

Mhi
Sejak 1982**MELAKA HARIINI**

Menyambut Ulang Tahun Ke-40

Dapatkan e-paper
MHI di sini

Semangat 'wira merah'



YANG di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam (tengah) bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (dua dari kiri) dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (dua dari kanan) menerima tabik hormat daripada perbarisan kawalan kehormatan pada Majlis Perasmian Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Melaka di Bukit Katil. Foto: Iqmal Haqim Rosman

4,5



Boleh raya ke tidak? 2,3

PETUGAS kesihatan melakukan pemeriksaan terhadap orang ramai yang hadir ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh. Foto Iqmal Haqim Rosman

Sidang DUN 28 Feb - 3 Mac



6

Dominant Opto labur RM1.3 bil



7

Ada emas di sebalik pasir

27



Semua boleh sambut Aidilfitri - Khairy

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan gelombang penularan Omicron dapat diturunkan sebulan atau dua bulan lagi sekali gus membolehkan sambutan Aidilfitri pada awal Mei depan tanpa sekatan pergerakan.

Bagaimanapun, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata ia bergantung kepada pematuhan langkah pengawalan oleh rakyat termasuk mengambil dos penggalak dan mendapatkan vaksin untuk anak-anak mereka.

"Ini semua tentang tingkah laku, saya tahu ramai risau tentang raya dan sebagainya."

"Tetapi jika kita memainkan peranan penting, dapatkan dos penggalak, vaksin anak-anak, kita jangka akan dapat stabilkan pandemik dalam masa sebulan atau dua bulan lagi, kalau Omicron dapat diturunkan, Selamat Hari Raya Aidilfitri," katanya dalam sidang media perkembangan COVID-19 di sini, 7 Feb lalu.

Ia mungkin memberi keleaan kepada orang ramai yang mula meluahkan kebimbangan tidak dapat menyambut Aidilfitri tahun ini disebabkan peningkatan mendadak kes COVID-19 akibat Omicron.

Pada 23 Jan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan bahawa



KKM menjangkakan tiada sekatan pergerakan dikenakan pada Hari Raya Aidilfitri, Mei depan. (Gambar hiasan) Foto: MR. Azli

kerajaan tidak akan melaksanakan kembali Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sekatan untuk pulang ke kampung bagi sambutan Hari Raya tahun ini.

Memberikan data mengenai penularan kes COVID-19 di beberapa negara lain, Khairy berkata peningkatan kes akibat Omicron

bukan hanya berlaku di negara ini, tapi turut berlaku di beberapa negara seperti Singapura yang melaporkan lebih 13,208 kes baru pada 4 Feb lepas, tiga kali ganda berbanding hari sebelumnya.

"Jadi gelombang Omicron, bukan hanya berada di Malaysia, bukan 'konspirasi KJ' untuk me-

nafikan Hari Raya nanti," katanya.

Dalam pada itu, Khairy meluahkan keyakinan negara masih berada di landasan betul dalam menguruskan gelombang Omicron berdasarkan pencapaian liputan vaksinasi lengkap bagi populasi yang tinggi. - BERNAMA

“Jadi gelombang Omicron, bukan hanya berada di Malaysia, bukan 'konspirasi KJ' untuk menafikan Hari Raya nanti”

Imbas suhu masuk premis bukan lagi SOP wajib

KUALA LUMPUR - Orang ramai yang ingin memasuki mana-mana premis tidak lagi perlu mengimbas suhu mulai 11 Feb, kata Menteri Kanan Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau berkata, keputusan itu dicapai selepas kerajaan membuat keputusan memansuhkan prosedur operasi stan-

dard (SOP) pemeriksaan suhu badan dan buku rekod daftar masuk di premis.

Meskipun begitu, tegas beliau, daftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera masih diwajibkan.

"Dengan pemansuhan ini, pihak pemilik premis tidak lagi diwajibkan untuk menyediakan alat pengimbas suhu dan buku

rekod daftar masuk di pintu-pintu masuk premis masing-masing.

"Bagaimanapun sekiranya pemilik-pemilik premis masih ingin meneruskan pelaksanaan SOP pemeriksaan suhu dan buku rekod daftar masuk ini, kerajaan amat mengalu-alukan dan menggalakkannya," katanya pada sidang media mengenai hasil Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19, 8 Feb lalu.

Dalam pada itu, Hishammuddin memaklumkan keputusan menentukan masa bagi pelaksanaan fasa peralihan ke endemik bergantung kepada keputusan Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 (JKKPP).

Beliau berkata, keputusan itu akan dibuat JKKPP yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob turut melibatkan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang serta pakar-pakar kesihatan.

Jelasnya, bagi melaksanakan fasa peralihan ke endemik, sistem kesihatan negara khususnya penggunaan katil di wad dan unit rawatan rapi (ICU) perlu berada dalam keadaan terkawal serta tahap kefahaman rakyat mengenai tujuh tonggak bagi pendekatan fasa peralihan ke endemik.

Belum ada perbincangan buka sempadan

TANGKAK - Cadangan Majlis Pemulihan Negara (MPN) untuk membuka kembali pintu sempadan negara seawal 1 Mac ini belum dibincangkan di peringkat Kabinet, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata setakat ini Kementerian Kesihatan masih belum memberikan maklum balas mengenai cadangan itu kepada Kabinet untuk dinilai.

"Kita mesti seimbangkan antara nak menjaga industri pelancongan dan kesihatan rakyat, maka Kementerian Kesihatan akan melihat secara terperinci dan beri cadangan kepada Kabinet nanti apa yang patut dilakukan seterusnya."

"Setakat ini kita masih tutup sempadan kita... belum ada perbicangan lagi untuk buka," katanya dalam Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri bersama Jentera Barisan Nasional (BN) Parliment Ledang di Dewan Putra Padang Lerek di sini, 12 Feb lalu.

Pada 8 Feb lepas, Pengurus Majlis Pemulihan Negara (MPN) Tan Sri Muhyiddin Yassin dilaporkan berkata MPN bersetuju mengesyorkan supaya sempadan negara dibuka sepenuhnya seawal 1 Mac ini.

Ismail Sabri berkata kerajaan setakat ini hanya membuka sempadan Malaysia-Singapura di Johor menggunakan Laluan Perjalanan Vaksin (VTL) sahaja.

"Kita nak buka sempadan sebab nak bantu industri pelancongan, tapi kita juga mahu jagakesihatan rakyat negara kita. Kalau yang datang pelancong membawa jangkitan ia lebih mempercepat pertambahan kes dan membahayakan kesihatan rakyat kita," katanya. - BERNAMA

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.47 pm	7.28 pm	8.39 pm
15 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.24 am	1.28 pm	4.47 pm	7.28 pm	8.38 pm
16 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.24 am	1.28 pm	4.46 pm	7.28 pm	8.38 pm
17 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.24 am	1.28 pm	4.46 pm	7.28 pm	8.38 pm
18 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.24 am	1.28 pm	4.45 pm	7.28 pm	8.38 pm
19 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.24 am	1.27 pm	4.45 pm	7.28 pm	8.38 pm
20 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.24 am	1.27 pm	4.44 pm	7.28 pm	8.38 pm

Melaka pantau trend kenaikan kes COVID-19

Mohamad Fazrul Abdul Majid & Siti Salehah

AYER KEROH - Kerajaan negeri akan memantau trend peningkatan kes COVID-19 dalam negara dan negeri sebelum memutuskan sebarang perubahan pada prosedur operasi standard (SOP).

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, buat masa ini belum ada sebarang perancangan untuk menguatkuasakan SOP baharu, sebaliknya SOP

sedia ada ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) masih terpakai.

"Setakat ini, Mesyuarat Jawatankuasa COVID-19 Negeri yang dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari sedang melihat dan memantau jumlah kenaikan kes COVID-19 di Melaka.

"Kita akan pantau dari semasa ke semasa, selain berpandukan kepada arahan dan nasihat MKN dan Kementerian Kesihatan Malaysia



PETUGAS kesihatan melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap orang ramai yang hadir ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh. Foto: MR. Azli

(KKM).

"Jika perlunya sebarang perubahan (SOP), kita akan putuskan dalam mesyuarat terlebih dahulu sebelum buat pengumuman," katanya dalam sidang media selepas Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan di sebuah hotel, 10 Feb lalu.

Minggu lalu, kes jangki-

tan COVID-19 dalam negara dan negeri ini kembali menunjukkan peningkatan drastik apabila jumlah pelajar yang dijangkiti mencecah lebih 20,000.

Peningkatan itu adalah disebabkan negara sedang berdepan gelombang varian Omicron, selain turut disumbangkan kluster berkaitan pendidikan.

Sementara itu, EXCO Pendidikan Negeri Datuk

Rais Yasin memaklumkan kluster pendidikan di Melaka semakin terkawal apabila jumlah pelajar yang dijangkiti semakin menurun.

Justeru, katanya, tiada keperluan untuk menutup sekolah dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

"Setakat 9 Feb hanya tinggal 50 pelajar masih dijangkiti manakala 206 lagi

sedang menjalani kuarantin.

"Mengikut rekod juga, seramai 179 orang murid yang sebelum ini didapati positif sudah sihat manakala 690 orang sudah dipotong gelang, jadi, tiada keperluan untuk menutup sekolah," katanya.

Untuk rekod, setakat 10 Feb, sebanyak 12 kluster pendidikan telah direkodkan di Melaka.

11,755 kanak-kanak di Melaka dijangkiti COVID-19

Liana Sahabudin

MERLIMAU - Jangkitan COVID-19 membabitkan kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah di Melaka merupakan antara yang tertinggi dalam negara, kata EXCO Kesihatan Negeri Dr Muhamad Akmal Saleh.

Beliau berkata, mengikut data sejak 2020, sebanyak 11,755 kes atau bersamaan 13.9 peratus jangkitan membabitkan kanak-kanak telah direkodkan di negeri ini.

Peratusan itu, ujarnya, melebihi purata dalam negara iaitu sebanyak 9.9 peratus kanak-kanak dijangkiti.

"Malaysia (merekodkan) 9.9 peratus, tetapi Melaka 13.9 peratus, ini berikutan apabila sekolah dibuka, (wujudnya) kluster pendidikan."

"Apabila anak kita walaupun tak ada kelastetapi masih lagi adakes-kes yang terpenting berlaku dalam sekolah yang kita tidak klasifikasikan sebagai kluster," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat Program Vaksinasi COVID-19 Kanak-kanak (PiCKids) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Datuk Hj

Ahmad Ithnin, di sini, 10 Feb lalu.

Beliau berkata, daripada keseluruhan 11,755 kes membabitkan kanak-kanak di Melaka, angka tertinggi disumbangkan kanak-kanak berusia tiga hingga 12 tahun iaitu sebanyak 7,738 kes.

Iadiikut 3,297 kes melibatkan kanak-kanak berusia satu hingga tiga tahun, 647 kes bagi kanak-kanak satu bulan hingga setahun dan 73 kes membabitkan bayi berusia bawah satu bulan.

Justeru, beliau menyeru ibu bapa mengambil peluang vaksinasi ini sebagai langkah awal untuk mengelakkan jangkitan lebih serius kepada anak-anak mereka.

"Untuk langkah pencegahan awal lebih elok kita beri vaksinasi walaupun tidak wajib," katanya.

Mengulas mengenai PiCKids di Melaka, Muhamad Akmal memaklumkan, seramai 15,000 ibu bapa telah bersetuju untuk anak mereka menerima vaksin.

Beliau berkata, pihaknya menyasarkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada 56,000 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Melaka akan divaksin menjelang akhir bulan ini.



DR Muhamad Akmal memberikan suntikan vaksin COVID-19 ke atas salah seorang kanak-kanak di program PiCKids peringkat negeri di Dewan Datuk Hj Ahmad Ithnin, Merlimau, Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Pujuk warga emas ambil 'booster' - Kalsom

DUYONG - Pendekatan memujuk akan digunakan kerajaan negeri bagi memastikan warga emas di negeri ini menerima dos penggalak vaksin COVID-19, kata Datuk Kalsom Nordin.

Beliau yang juga EXCO Pembangunan Keluarga dan Kebajikan Negeri bagaimanapun memaklumkan, peratusan warga emas di Melaka yang sudah menerima dos penggalak adalah di tahap yang cukup memuaskan.

Ia selepas Melaka merekodkan sebanyak 62 peratus warga emas lengkap dos penggalak yang mana ia jauh lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain.

"Di Melaka kita anggarkan dalam 62 peratus warga emas sudah terima dos penggalak, maknanya kita Melaka ke arah lebih selamat."

"Ia satu petanda baik, baki yang masih belum ambil dos penggalak itu kita sedang pujuk mereka untuk ambil secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan pada Program Sentuhan Kasih Tahun Baharu Cina 2022 Persatuan Kanner Melaka di sini, 9 Feb lalu.

Hadir sama Pengurus Besar Petronas Selatan, Sazli Zakaria dan Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka, Mohd Fadli Abdul Rahman.

Dalam pada itu, Kalsom meminta ibu

bapa agar menghantar anak-anak berusia lima hingga 11 tahun untuk mengambil vaksin dalam Program Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak (PiCKids).

Menurutnya, ia penting dalam memastikan keselamatan anak-anak memandangkan negara sedang berperang dengan varian Omicron pada ketika ini.

"Ya, mungkin ada kebimbangan dalam hati ibu bapa untuk membenarkan anak mereka menerima vaksin, tetapi yakinlah, vaksin itu adalah selamat untuk diambil demi keselamatan diri dan keluarga pada masa hadapan," katanya.



KALSON (kiri) menerima cenderahati daripada Sazli selepas menyempurnakan Program Sentuhan Kasih Tahun Baharu Cina 2022 Persatuan Kanner Melaka, 9 Feb lalu.

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 14 FEBRUARI - 17 FEBRUARI 2022

Isnin
14/02/2022

Pagi: Tiada hujan
Petang: Ribut petir di beberapa tempat
Malam: Hujan di satu dua tempat
Min: 24° / Maks: 33°

Selasa
15/02/2022

Pagi: Tiada hujan
Petang: Ribut petir di satu dua tempat
Malam: Tiada hujan
Min: 24° / Maks: 33°

Rabu
16/02/2022

Pagi: Tiada hujan
Petang: Ribut petir di satu dua tempat
Malam: Tiada hujan
Min: 24° / Maks: 33°

Khamis
17/02/2022

Pagi: Tiada hujan
Petang: Ribut petir di satu dua tempat
Malam: Tiada hujan
Min: 24° / Maks: 33°

Tun Mohd Ali rasmi ibu pejabat bomba Melaka

Fiqa Jamal

BUKIT KATIL - Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam merasmikan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Melaka, Bukit Katil, 8 Feb lalu.

Ketibaan beliau disambut Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican serta barisan kepimpinan kerajaan negeri.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Dr Ismail Abd Mutalib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Noor Azman Taib dan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Ts Mohammad Hamdan Wahid.

Dalam majlis perasmian itu, Tun Mohd Ali yang tiba kira-kira jam 10 pagi terlebih dahulu menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan Utama di Dataran JBPM.

Selepas itu, beliau menyempurnakan upacara perasmian ibu pejabat berkenaan dan seterusnya melihat demonstrasi latihan dan menyelamat disediakan JBPM Melaka.

Tun Mohd Ali turut dibawa melihat pameran yang disediakan dalam majlis itu.



TUN Mohd Ali menandatangani plak perasmian Ibu Pejabat JBPM Melaka.
Foto: Azren Jamaludin

Perkasa 'pasukan bomba sukarela' di Melaka

BUKIT KATIL - Ibu pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Melaka, di sini, bakal menjadi penggerak usaha memperkasa 'pasukan bomba sukarela', kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Beliau berkata, insiden banjir dan pandemik COVID-19 yang berlaku kini telah membuka mata betapa pentingnya penglibatan rakyat dalam memahami betapa pentingnya kesiapsiagaan perkhidmatan kecemasan dalam komuniti.

Justeru, beliau berharap bangunan yang siap dibina pada 2004 dengan kos keseluruhan lebih RM11 juta itu berupaya menggalakkan penglibatan rakyat secara aktif secara aktif dalam agenda kebombaan dan penyelamatan di peringkat kejiran dan kawasan.

"Masanya sudah tiba, agenda kebombaan didokong sama penglibatan strategik dan inklusif pelbagai pihak, terutamanya Keluarga Malaysia ke arah pembentukan resilience citizen dan "Community First Responders" (CFR) dalam kes-kes kecemasan," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Ibu Pejabat JBPM Melaka, 8 Feb lalu.

Mengulas mengenai ibu pejabat itu, Reezal berkata, bangunan itu akan menjadi pusat koordinasi sistematis bagi 11 buah Balai Bomba dan Penyelamat di seluruh negeri Melaka dalam menanganai kes-kes kecemasan.

"Saya yakin dan percaya, kompleks ini akan memberikan impak yang positif serta menyediakan pelbagai kemudahan kepada penduduk setempat serta badan-badan profesional dan pemain-pemain industri di negeri Melaka untuk berurusan dengan pihak jabatan terutamanya untuk mendapatkan khidmat nasihat dari aspek keselamatan," katanya.



REEZAL



SULAIMAN dianugerahkan pangkat Timbalan Kanan Pesuruhjaya Bomba (Kehormat) oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM). Foto Azren Jamaludin

12,500 anggota bomba siap siaga hadapi musim kemarau

BUKIT KATIL - Seramai 12,500 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) seluruh negara bersiap siaga menghadapi musim kemarau dan kering yang dijangka bermula Macini.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Mohammad Hamdan Wahid berkata anggota dan aset jabatan turut bersedia untuk digerakkan pada bila-bila masa bagi menghadapi sebarang situasi luar jangka.

Katanya, persediaan itu adalah bagi kemungkinan berlakunya kebakaran hutan yang boleh menyebabkan bencana jerebu berikutnya musim kering, kemarau dan krisis air.

"Sejak kita memperkasakan kesiapsiagaan dalam pengurusan bencana banjir kita belum tutup lagi bilik gerakan di 16 negeri seluruh negara."

"Kita akan teruskan untuk memantau, mengurus dan mengendali kes pembakaran

hutan di lokasi panas terutama di Selangor, Perak serta negeri-negeri bahagian utara Semenanjung Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Perasmian Ibu Pejabat JBPM Melaka, Bukit Katil yang disempurnakan Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam, 8 Feb lalu.

Mengulas lanjut, Mohammad Hamdan berkata, bagi memantau kejadian kebakaran hutan JBPM kini menggunakan dron selain aset helikopter sedia ada.

Menurutnya, jumlah keanggotaan dalam siap siaga menjelang kemarau juga adalah anggota yang telah bersedia untuk misi banjir yang lalu.

Jelasnya cuti anggota yang bertugas masih tidak dilonggarkan namun ia bergantung kepada pengarah bomba negeri masing-masing untuk memberikan kelulusan.

Sulaiman terima pangkat Kehormat bomba

BUKIT KATIL - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menerima penganugerahan pangkat Timbalan Kanan Pesuruhjaya Bomba (Kehormat) oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), 7 Feb lalu.

Penganugerahan itu diberikan pada majlis Istiadat Penganugerahan Pangkat Kehormat JBPM yang diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka, di sini.

Majlis itu turut dihadiri Ketua Pengarah JBPM Datuk Seri Ts Mohammad Hamdan Wahid; Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari; EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Datuk Zaidi Attan serta Pengarah JBPM Negeri Melaka Abu Bakar Katain.

"Terima kasih kepada JBPM kerana menganugerahkan saya pangkat Timbalan Kanan Pesuruhjaya Bomba (Kehormat).

"Penganugerahan ini cukup besar maknanya, selain sebagai penghormatan buat saya dan kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka.

"Bagi saya, JBPM adalah tunjang kepada keselamatan negara dan berharap hubungan erat ini dapat diperkasakan," katanya.

Selain Sulaiman, turut menerima penganugerahan ialah Setiausaha Khas Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka Datuk Paduka Nur Azmi Ahmad yang menerima penganugerahan Penolong Pesuruhjaya Bomba (Kehormat).



Sekitar Majlis Perasmian Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Melaka, 8 Feb 2022



TUN Mohd Ali memeriksa perbarisan kawalan kehormatan membabitkan pegawai dan anggota JBPM. Foto: Azren Jamaludin



DEMONSTRASI
menyelamat oleh
Unit Udara Bomba
menggunakan
helikopter jenis
A109. Foto:
Azren Jamaludin



KETUA Cawangan Pengurusan Operasi & Balai JBPM Melaka Penguasa Bomba Zulkhairani Ramli melakukan persembahan 'flying fox'.
Foto: Iqmal Haqim Rosman



TUN Mohd Ali (dua dari kanan) mendengar penerangan mengenai kelengkapan menyelamat di air digunakan JBPM sambil diperhatikan Reezal (kiri) dan Sulaiman (dua dari kiri). Foto: Azren Jamaludin



TUN Mohd Ali berminat melihat dengan lebih dekat aset menyelamat terkini digunakan Unit Motosikal JBPM yang menggunakan jentera Kawasaki Versys. Foto: Iqmal Haqim Rosman



ANGGOTA bomba membuat demonstrasi teknik senaman untuk kekal cergas yang sesuai dengan tugas mencabar JBPM. Foto: Iqmal Haqim Rosman

Ahli Majlis 'gagal' boleh ditamatkan perkhidmatan - KM

Liana Sahabudin

BANDA HILIR - Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dilantik perlu mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan dan jika gagal mereka boleh ditamatkan perkhidmatan, demikian tegas Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata, tindakan boleh diambil kepada Ahli Majlis yang mencapai KPI kurang 50 peratus dalam tempoh tiga bulan berturut-turut atau tiga kali dalam tempoh enam bulan perkhidmatan.

"Tindakan yang boleh dikenakan termasuklah penahanan eluan bulanan dan boleh diangkat untuk cadangan penamatan perkhidmatan."

"Justeru, semua Ahli Majlis PBT disarankan untuk mengambil perhatian sewajarnya ke atas



BARISAN Ahli Majlis melafazkan ikrar sempena Majlis Angkat Sumpah Pelantikan Datuk Bandar, Yang Dipertua, Ahli Majlis dan Ahli Majlis Turut Hadir Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Hotel Swiss Gardern, Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

KPI yang ditetapkan untuk memantau gerak kerja mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Angkat Sumpah Pelantikan Datuk Bandar,

Yang Dipertua dan Ahli Majlis PBT di Hotel Swiss Garden, 11 Feb lalu.

Hadir sama, EXCO Kerajaan Tempatan Negeri Datuk Zaidi Attan, Datuk Bandar dan Yang Dipertua

PBT, serta kenamaan lain. Sulaiman berkata, peranan yang dipegang setiap Ahli Majlis adalah sangat penting khususnya dalam aspek pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Menurutnya, pemegang jawatan itu juga boleh disifatkan sebagai 'duta kecil' antara PBT dengan anggota masyarakat di sesebuah kawasan.

Oleh yang demikian,

2,500 murid terima bantuan sekolah

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH 10 Feb - Sebanyak 2,500 murid daripada 241 buah sekolah rendah di negeri ini akan menerima bantuan persekolahan berjumlah RM200 yang disumbangkan kerajaan negeri.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, bantuan membabitkan peruntukan berjumlah RM500,000 itu disampaikan kepada guru besar setiap sekolah sebelum diagihkan kepada pelajar yang layak.

Menurutnya, bantuan murid sekolah rendah itu telah dinaikkan menjadi RM200 pada sesi persekolahan 2022 berbanding RM150 tahun lalu.

Ujar beliau, ia selari dengan peruntukan yang diumumkan dalam Bajet



SULAIMAN (tengah) menyampaikan bantuan persekolahan kepada Guru Besar SK Ramuan China Besar dalam Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Sekolah Rendah Sesi Akademik 2022, di sebuah hotel, baru-baru ini. Foto: Azren Jamaludin

2022 Negeri Melaka yang meletakkan kepentingan pendidikan sebagai agenda utama transformasi negeri.

"Semua ini diharap mampu memberi manfaat kepada seluruh rakyat khususnya kepada para pelajar

yang menjadi modal insan berkualiti Melaka pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Sekolah Rendah Sesi Akademik 2022 dan Pelancaran Program Sentuhan Kasih Ketua Menteri Untuk Calon SPM 2021 di sebuah hotel di sini, 10 Feb lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari, EXCO Pendidikan Datuk Rais Yasin, Pengurus Besar Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) Datuk Mustafa Musa dan Pengarah Jabatan Pendidikan Melaka Dr Mohd Azam Ahmad.

Selain bantuan persekolahan, Sulaiman memaklumkan, kerajaan negeri turut prihatin terhadap calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sesi akademik 2021 yang akan menduduki peperik-

saan bermula 2 hingga 29 Mac depan.

Memandangkan, calon SPM 2021 turut berdepan kesukaran dan gangguan proses pembelajaran secara bersemuka akibat pandemik COVID-19 tahun lalu, kerajaan negeri terpanggil mengajukan Program Sentuhan Kasih Ketua Menteri bermula 14 hingga 17 Feb.

Jelasnya, program berkonsepkan pecutan terakhir SPM itu tertumpu kepada tiga subjek teras utama iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik, yang akan dikenal alikan oleh guru-guru pakar dan guru cemerlang dipilih Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

Ia akan melibatkan sebanyak 11,355 calon SPM di Melaka.

TYT bakal rasmi sidang DUN, 28 Feb ini

Siti Salehah

AYER KEROH - Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam, dijangka merasmikan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka selama empat hari bermula 28 Feb hingga 3 Mac depan.

Speaker DUN Datuk Wira Ibrahim Durum berkata, bagi persidangan kedua penggal kelima itu, pihaknya sudah menerima soalan-soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sama ada lisan dan bertulis.

"Saya sudah terima soalan berkenaan dan kini dalam penelitian, ada kaitan atau tidak untuk dibawa ke DUN pada hari persidangan nanti," katanya ketika dihubungi.

Ibrahim berkata, Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN), kakitangan berkenaan dan juga petugas media diwajibkan untuk membuat ujian RTK (Antigen Rapid Test Kit) tiga hari sebelum sesi persidangan berlangsung.

"Ujian RTK perlu dilakukan sebelum persidangan dan kita kena lebih berhati-hati serta berjaga-jaga agar tidak timbul kluster," katanya.

Sementara itu Melaka Hari Ini (MHI) difahamkan kerajaan negeri akan membentangkan tiga rang undang-undang termasuk undi 18 tahun.

Setakat 16 Jan lalu lebih 4 juta pengundi berusia 18 tahun telah didaftarkan sebagai pemilih secara automatik, menerusi pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun pada 2019.



PERSIDANGAN kedua DUN Melaka penggal kelima dijadual pada 28 Feb ini (Gambar hiasan). Foto: Iqmal Haqim Rosman

Kilang lampu LED kereta mewah labur RM1.3bil di Melaka - Ab Rauf

Faiz Hasan

BATU BERENDAM - Pengeluar lampu kenderaan menggunakan teknologi diod pemancar cahaya (LED) Dominant Opto Technologies Sdn Bhd, di sini, bakal menambah pelaburan dianggar bernilai RM1.3 bilion di negeri ini.

EXCO Pelaburan negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, ia susulan syarikat pembekal lampu LED kenderaan keempat terbesar dunia itu mendapat permintaan tinggi daripada syarikat kereta mewah terkemuka.

Ab Rauf berkata, BMW X Series antara kenderaan mewah yang akan menggunakan teknologi LED dikehluarkan syarikat berkenaan.

Katanya, syarikat milik anak jati Melaka yang mengharumkan nama negara itu

akan terus berkembang.

"Perancangan awal tahun ini Dominant Opto Technologies akan melabur dalam jumlah besar di Melaka membabitkan nilai RM1.3 bilion

"Kita harap dengan permaulaan di Melaka Dominant Opto Technologies, mampu menjadi pelopor teknologi pembuatan LED dan terus berkembang," katanya katananya pada sidang media selepas lawatan kerjakesyarike itu, di sini, 7 Feb lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Dominant Opto Technologies Sdn Bhd., Tay Kheng Chiong.

Sementara itu, Kheng Chiong berkata, operasi syarikat disokong 2,126 pekerja tempatan dan 404 warga negara asing menyatakan peningkatan 20 peratus hasil perniagaannya dalam sektor terbabit setiap

tahun.

Beliau berkata, setakat ini seramai 120 pengkaji tebarbit dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) membabitkan aspek reka bentuk serta pengubahsuaian agar produk dihasilkan mampu bersaing di peringkat dunia.

"Kita membawa nama Melaka dan Malaysia yang kini berada di tempat keempat dunia sebagai pembekal kepada kenderaan berteknologi tinggi selepas Jerman ditangga pertama diikuti Jepun dan Amerika Syarikat.

"Jadi kita berharap kapasiti produk akan ditingkatkan lagi, malah kita akan membina sebuah lagi bangunan kilang yang baharu setinggi 10 tingkat bagi mengembangkan lagi industri berteknologi ini di Melaka," katanya.



AB Rauf Yusoh melihat lampu kenderaan menggunakan teknologi LED ketika mengadakan lawatan ke kilang Dominant Opto Technologies Sdn Bhd di Batu Berendam.
Foto: Iqmal Haqim Rosman

Melaka, Jakarta sepakat jalin kerjasama - Jailani



MUHAMMAD Jailani (kiri) bertukar-tukar cenderamata ketika mengadakan kunjung hormat ke atas Ahmad Riza (kanan).

Salman Hamat

AYER KEROH - Pelbagai peluang kerjasama dalam bidang pelancongan, kesenian, kebudayaan dan pelaburan berpotensi untuk direalisasikan hasil lawatan EXCO Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis ke Jakarta, Indonesia.

Perkara itu antara yang disentuh Muhammad Jailani ketika mengadakan kunjung hormat dan perbincangan bersama Yang Terhormat Wakil Gubernur Provinsi DKI Jakarta Ir. H. Ahmad Riza Patria di Balai Kota Jakarta, baru-baru ini.

Muhammad Jailani berkata, dalam pertemuan itu kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan kerjasama dengan Melaka menawarkan pakej percutian keluarga dan pelancongan kesihatan.

"Mengikut rekod pada 2019 rakyat Indonesia menjadi pelancong asing paling ramai mela-wat Melaka dengan 552,413 orang.

"Kitaturut menawarkan perkhidmatan bas elektrik di Jakarta bagi tujuan pelancongan selain program latihan industri di hotel dan hospital swasta di Melaka untuk pelajar Indonesia.

"Malah kita juga menawarkan lokasi perniagaan khas bagi usahawan-usahawan dari-pada Jakarta untuk membuka restoran masakan Indonesia di Melaka," katanya dalam satu kenyataan pada 10 Feb.

Sementara itu Ahmad Riza menyatakan minat untuk belajar daripada Melaka mengenai prosedur untuk mendapatkan pengiktirafan UNESCO bagi Kota Tua, Jakarta yang dilihat mempunyai ciri-ciri yang sama dengan negeri ini.

Beliau turut mempelawa pelabur daripada Melaka mengambil peluang dalam perkhidmatan penyediaan bekalan air minuman berikut hanya 63 peratus sahaja bekalan air bersih ter-dapat di Jakarta.

"Peluang pelaburan juga dibuka untuk penyediaan pembekalan gas secara terus kerumah (pembentangan gas) dengan sasaran 1juta sambungan dalam masa setahun selain program Pertukaran Budaya antara Jakarta dan Melaka.

"Kita melihat agar pertemuan ini dapat menjalankan kerjasama yang lebih erat antara Melaka dan Jakarta, Indonesia dalam pelbagai bidang pelancongan dan pelaburan untuk manfaat kedua-dua belah pihak," katanya.

Rakyat Johor mengundi pada 12 Mac

JOHOR BAHRU - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 12 Mac sebagai tarikh pengundian bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor.

Tarikh penamaan calon bagi pilihan raya itu ditetapkan pada 26 Feb manakala pengundian awal pada 8 Mac.

Pengumuman dibuat Pengerusi SPR Datuk Abdul Ghani Salleh pada sidang media selepas memperkerusikan mesyuarat khas SPR berhubung pilihan raya negeri itu di sini, 9 Feb lalu.

Beliau berkata Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan untuk PRN Johor ke-15 ini adalah Daftar Pemilih Induk 2021 yang dikemas kini sehingga 21

Jan 2022.

"Daftar pemilih tersebut mengandungi seramai 2,597,742 pengundi yang terdiri daripada 2,574,835 orang pengundi biasa; 10,955 orang anggota tentera dan pasangan; 11,576 anggota polis dan pasangan Polis Pasukan Gerakan Am serta 376 orang Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara," kata beliau.

Sementara itu, dalam satu kenyataan, Abdul Ghani berkata PRN bagi mengisi kekosongan 56 kerusi Dewan Negeri itu dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak RM96 juta.



Beliau berkata seramai 56 orang pegawai pengurus pilihan raya dilantik yang dibantu oleh 186 orang penolong pegawai pengurus manakala 49,290 orang petugas akan dilantik bagi mengendalikan proses Pilihan raya Umum (PRU) Dewan Negeri Johor ke-15.

"Manakala, sebanyak 1,021 buah pusat mengundi biasa yang mengandungi 4,638 tempat mengundi atau saluran dan 63 pusat mengundi awal bagi pengundian yang mengandungi 82 tempat mengundi atau saluran awal akan digunakan," katanya.

Abdul Ghani berkata sebanyak 962

buah pusat mengundi biasa akan dibuka pada hari mengundi dari 8 pagi sehingga 6 petang manakala baki 59 pusat mengundi akan dibuka mengikut waktu yang telah diwartakan.

"Manakala bagi pusat mengundi awal, sebanyak 29 buah pusat mengundi akan dibuka dari pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari; lapan buah pusat mengundi dibuka pada pukul 8 pagi sehingga 2 petang manakala 26 buah pusat mengundi akan dibuka pada pukul 8 hingga 5 petang," katanya.

Katanya, SPR turut menetapkan sasaran seramai 70 peratus pemilih berdaftar keluar mengundi pada pilihan raya itu nanti.

- BERNAMA

N02 - TANJUNG BIDARA

Masjid baharu tampung 1,000 jemaah



AB Rauf meninjau progres pembinaan masjid baharu di Kampung Ayer Hitam Pantai.

Salman Hamat

TANJUNG BIDARA - Penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bidara bakal menerima kemudahan masjid baharu selepas Masjid Jannah Bahri di Kampung Ayer Hitam Pantai, memulakan operasi tidak lama lagi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, pembinaan masjid baharu itu penting bagi memberikan lebih keselesaan kepada umat Islam untuk melakukan ibadat khusus dalam suasana pandemik ketika ini.

"Masjid ini dijangka mampu menampung lebih ramai jemaah, anggaran 1,000 orang dan ke atas jadi tidak timbul lagi masalah terpaksa bersesak ketika mahu menyampaikan solat."

"Mengikut perancangan masjid ini akan dijadikan masjid DUN menggantikan masjid Al-Jawahir Pengkalan Balak yang sekarang ini menjadi tumpuan umat Islam dari taman perumahan berhampiran dan anggota tentera di Kem Terendak menuaikan solat Jumaat," katanya selepas melawat masjid berkenaan baru-baru ini.

Ab Rauf berkata, setakat ini masjid berkenaan sudah 90 peratus siap dan pembinaannya bertepatan dengan peningkatan jumlah penduduk susulan pembangunan pesat sekitar Tanjung Bidara selain pembukaan taman perumahan baharu.

FOKUS
DUN



N03 - AYER LIMAU



HAMEED menyempurnakan simbolik penyerahan van jenazah untuk kegunaan kariah Surau Al Hidayah, Taman Sri Aman.

Kemudahan van jenazah bantu kariah Taman Sri Aman

Faiz Hasan

AYER LIMAU - Kemudahan van jenazah hasil pemberian individu 'misteri' dan sumbangan orang ramai kepada Surau Al Hidayah, Taman Sri Aman bakal melancarkan lagi proses pengurusan jenazah di kawasan terbatas.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK) Taman Sri Aman, Ismail Samid berkata, kemudahan itu pada asalnya adalah van sekolah yang kemudian diubahsuai kepada van jenazah.

"Bagi kerja ubahsuai dan baik pulih membabitkan kos RM 10,500 pula menggunakan wang sumbangan orang ramai, alhamdulillah atas kesepakatan semua pihak kita berjaya menyempurnakan has-

rat anak kariah yang mahukan kemudahan van jenazah."

"Manfaat ini akan diutamakan buat 5,000 ahli kariah Taman Sri Aman, tapi jika ada pihak lain memerlukan kita tidak ada masalah untuk membantu," katanya.

Majlis penyerahan kunci van jenazah itu disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer di pekarangan surau berkenaan pada 4 Feb lalu.

"Kita mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas ihsan yang diberikan malah pihak surau mengalau-alukan infak daripada orang ramai."

"Orang ramai yang ingin menginfakkan sumbangan bolehlah menyumbang menerusi akaun Bank Rakyat bernombor 11-0177665-9," katanya.

N01 - KUALA LINGGI

Rosli bantu penduduk jalani kuarantin

Salman Hamat

KUALA LINGGI - Lapan keluarga yang menjalani kuarantin di rumah mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi Rosli Abdullah.

Baru-baru ini, beliau turun padang bertanyakhabar dan menyampaikan barang keperluan asas kepada mereka yang terkesan.

Rosli berkata, pihaknya menyampaikan bantuan kepada penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi yang menjalani kuarantin di Kampung Ayer Molek, Kampung Permatang dan Kampung Baru.

"Sama-sama kita mendoakan semoga mereka ini yang terkesan akibat pandemik COVID-19 diberikan kesembuhan dengan kadar segera tidak lupa juga diminta diper mudahkan segala urusan mereka semua selepas ini."

"Orang ramai juga dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan dan jangan lupa sentiasa jaga jarak terutamanya ketika berada di kawasan sesak," katanya.



ROSLI menyampaikan sumbangan membantu penduduk di DUN Kuala Linggi yang menjalani kuarantin di rumah.

N04 - LENDU

Semoga cepat sembah!

Faiz Hasan

LENDU - 10 keluarga yang menjalani kuarantin di rumah selepas positif COVID-19 tetap mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Pegawai Perhubungan (Kebajikan dan Operasi) DUN Lendu, Jamian Maharam berkata, sebanyak 10 kit makanan diagihkan kepada keluarga berkenaan bagi memastikan mereka mempunyai bekalan makanan mencukupi sepanjang tempoh



kuarantin di rumah.

"Kami bukan sekadar hantar bekalan makanan, sebaliknya bertanya khabar bagi memberi suntikan semangat kepada keluarga yang terbabit.

"Sepanjang lawatan petugas melakukan agihan kit makanan kepada mereka yang terjejas mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya.

Jamian berkata, lawatan membabitkan tiga lokasi iaiti Kampung Lendu, Taman Bandar Baru Masjid Tanah dan Taman Terendak Height.

N05 - TABOH NANING

Edar kopi elak pemandu, penunggang mengantuk

Salman Hamat

TABOH NANING - Plaza Tol Simpang Ampat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning, antara pintu keluar masuk utama menjadi pilihan pelancong melawat negeri ini khusus pada hujung minggu dan musim cuti perayaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning Zulkiflee Mohd Zin berkata, peningkatan jumlah lalu lintas menyebabkan risiko berlaku kemalangan semakin tinggi.

Susulan itu, pihaknya bersama Petronas Dagangan Berhad dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menganjurkan Program Petronas Coffee Break di Petronas Simpang Ampat di sini, 5 Feb lalu.

"Pada program itu kami menyampaikan sumbangan topi keledar dan kopi percuma agar pemandu dan penunggang dapat menyegarkan badan serta hilangkan rasa mengantuk sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi mereka.

"Inisiatif ini juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna jalan raya khusus penduduk sekitar DUN Taboh Naning mengenai pentingnya patuh pada undang-undang," katanya.

Program samaturut dihadiri oleh EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam, Infrastruktur dan Pengurusan Banjir negeri, Datuk Rahmad Mariman.



ZULKIFLEE membantu seorang pengguna jalan raya mengisi minyak di Petronas Simpang Ampat.



JAMIAN menyampaikan sumbangan kuarantin kepada 10 keluarga di DUN Lendu mewakili Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

N06 - REMBIA

Shikin wira haiwan terbiar

Din Ahmad

REMBIA - Naluri ingin membantu sesama makhluk mendorong Norashikin Ahmad, 29, menubuhkan Pasukan Penyelamat Haiwan Shikin (STAR).

Dia bersama sukarelawan membabitkan golongan profesional seperti pensyarah dan doktor haiwan berusaha menyelamatkan haiwan seperti kucing, anjing, monyet dan kuda.

Norashikin mula aktif dalam usaha menyelamatkan haiwan terbiar pada 2014 dengan memelihara 15 ekor kucing dan semakin berkembang atas kegigihannya serta bantuan pelbagai pihak khusus pencinta anak bulus.

"Sekarang kami sudah ada tempat perlindungan haiwan. Semua ini bermula dengan arwah ayah, ketika hayatnya dia mendidik saya agar menyayangi dan berusaha menyelamatkan haiwan sakit yang terbiar dari pada mati.

"Selain itu kejadian menyaksikan petugas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menangkap kucing liar menguatkan lagi azam saya untuk membantu haiwan tanpa men-

gerakan (PKP) 1.0 dan 2.0 ramai yang terjejas datang serahkan kucing kepada kami, mereka tak mampu tumpang kos untuk jaga haiwan peliharaan masing-masing.

"Saya minta orang ramai atau mana-mana pihak tampil untuk bersama-sama menyokong usaha menyelamatkan dan menyediakan tempat berlinglung lebih selesa untuk haiwan terbiar ini," katanya.



SEBAHAGIAN daripada 100 kucing peliharaan Norashikin di STAR, Kampung Paku.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KANDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakaharlin.my

PENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakaharlin.my

PENGARANG
MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlin.my

JURUFOTO
AZREN JAMILUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlin.my

LIANA SAHABUDIN
illyann90@melakaharlin.my

JURUFOTO
IQMAL HAQIM
ROSMAN
iqmalhaqimrosman@gmail.com

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlin.my

FIIQA JAMAL
norafiqahjamal93@gmail.com

SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharlin

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlin.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlin.my
018 - 329 9936

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharlin.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
Izraihanah363@gmail.com

JURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.com

MELAKA TV

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalkal.zakaria@melakaharlin.my

JURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.com

JURUVIDEO
& PENYUNTING VIDEO

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalzzati98@melakaharlin.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlin.my

HASBULLAH BIN AZHAR
burneskoabar@gmail.com

NO8 - MACHAP JAYA

Kuarantin tak halang Ah Sem bantu masyarakat

Farah Suhaidah Othman

MACHAP JAYA - Meskipun sedang menjalani kuarantin selepas dikategorikan rapat individu positif COVID-19, ia tidak menghalang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya Ngwe Hee Sem untuk terus berbakti kepada masyarakat.

Katanya, sebagai wakil rakyat, beliau tetap komited menunaikan tanggungjawab menyalurkan kit makanan

kepada keluarga lain yang turut diarah menjalani kuarantin di kawasan Machap Jaya.

Bercakap kepada Melaka Hari Ini Hee Sem atau mesra dipanggil Ah Sem telah mengarahkan pegawai-nya di JAPERUN untuk mengagihkan kit makanan kepada keluarga terjejas.

"Di kawasan ini, terdapat sembilan JPKK (Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung) dan dua JPKKB (Jawatankuasa Pembang-

unan Keselamatan Kampung Baru).

"Meskipun dikuarantin, saya pastikan semua JPKK dan JPKKB mengagihkan kit bantuan kepada keluarga yang diarahkan kuarantin.

"Ini bagi meringankan beban mereka dengan meletakkan bantuan itu di hadapan rumah masing-masing," katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut, beliau berkata, selepas tamat kuarantin, beliau akan kembali berbakti kepada rakyat dan meneruskan tugas harian sebagai wakil rakyat dan EXCO seperti biasa.

FOKUS DUN



PEGAWAI JAPERUN Machap Jaya mengagihkan sumbangan kit makanan kepada keluarga yang sedang menjalani kuarantin di Machap Jaya.

NO7 - GADEK

Mangsa banjir terima RM1,000

Faiz Hasan

GADEK - Seramai 40 keluarga yang terkesan akibat bencana banjir dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Gadek telah menerima bantuan bencana, 10 Feb lalu.

Sumbangan disampaikan menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebanyak RM1,000 diserahkan secara 'one-off' kepada wakil keluarga terlibat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek V.P. Shanmugam berkata, bantuan Fasa Pertama itu telah diserahkan di Pejabat JAPERUN Gadek.

"Bantuan telah diserahkan kepada wakil keluarga terlibat. Semoga sedikit sumbangan ini dapat membantu mereka dalam meneruskan kehidupan pasca banjir," katanya.



SHANMUGAM menyampaikan bantuan banjir kepada 40 keluarga yang terjejas, baru-baru ini.

NO9 - DURIAN TUNGGAL

Bekas mangsa banjir tidak dilupakan



ZAHARI menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir bagi DUN Durian Tunggal.

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Biarpun bencana banjir yang menimpa penduduk di negeri ini telah berlalu, namun usaha menyalurkan bantuan kepada mereka yang terkesan tidak pernah dihentikan.

Usaha itu turut dilaksanakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal, Zahari Abd Kaliq yang menyampaikan Bantuan Wang Ihsan Bencana Banjir Monsun Timur Laut, baru-baru ini.

Menerusi hantaran di Facebook rasminya Bantuan itu diselaraskan oleh Pejabat Daerah Alor Gajah yang diadakan di Dewan utama Kompleks JAPERUN Durian Tunggal.

Antara lain bantuan itu bagi meringankan beban mangsa banjir, biarpun ia bukan sumbangan yang besar namun dapat menceriakan penerima.

JAWATAN KOSONG KETUA UNIT MELAKA TV

PELUANG
KERJAYA
MENANTI ANDA!



SYARAT-SYARAT

- Kelayakan Ijazah Sarjana Muda atau Diploma dalam bidang berkaitan
- Berpengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman di bidang kewartawan, penyiaran berita dan produksi video serta mahir dalam pengurusan media sosial

MOHON SEKARANG!

Emel : pentadbiranmhbs@gmail.com
Hubungi : 06-2519314
Tarikh tutup : 17 Februari 2022

N13 - PAYA RUMPUT



RAIS (kanan) ketika mendengar luahan penduduk terhadap isu di jalan di Kampung Bukit Datok, baru-baru ini.

Jalan 'senget' akan dibaiki segera

Fiqa Jamal

PAYA RUMPUT - Tindakan segera akan diambil untuk membaiki jalan rosak di bahagian bahu jalan di Kampung Bukit Datok dalam masa terdekat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Datuk Rais Yasin berkata, bertindak atas aduan penduduk kampung, beliau bersama pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampong (JPKK) telah meninjau jalan terbabit.

Katanya, tinjauan beliau pada 7 Feb lalu mendapati jalan rosak tersebut boleh mengundang bahaya pada pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal.

"Saya akan memastikan pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan segera bagi memastikan jalan dikawasan ini dibaiki secepatnya."

"Ini bagi mengelakkkan agar tiada kejadian yang tidak diingini berlaku," katanya menerusi laman Facebook rasminya baru-baru ini.



KEADAAN jalan 'senget' di bahu jalan Kampung Bukit Datok yang membahayakan pengguna jalan raya.

N12 - PANTAI KUNDOR

Pembesaran pelabuhan: Nelayan mahu pampasan



SESI dialog di antara nelayan dengan agensi terlibat berhubung pembangunan Pelabuhan Tanjung Bruas.

Fiqa Jamal

PANTAI KUNDOR - Kira-kira 300 nelayan di bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Kundor menuntut pampasan berhubung projek pembesaran Pelabuhan Tanjung Bruas.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Tuminah Kadi berkata, perkara itu antara dibangkitkan dalam sesi dialog yang diadakan bersama pelbagai agensi dan pihak berkepentingan seperti wakil-wakil nelayan pada 9 Feb lalu.

Katanya, nelayan dan penduduk di kawasan itu secara dasarnya tidak menghalang sebarang bentuk pembangunan dijalankan, namun mereka mahu nasib mereka diambil kira susulan kesan daripada projek yang dijalankan itu.

"Pampasan yang dicadangkan mereka adalah dalam bentuk kewangan atau peralatan daripada pihak yang terlibat."



TUMINAH

"Selain itu, mereka juga mahukan jaminan daripada kerajaan negeri yang mana peluang pekerjaan dari pada projek pembangunan itu perlulah mengutamakan anak tempatan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut Tuminah, selain nelayan dan penduduk, antara yang terlibat dalam sesi dialog tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Melaka

Berhad (KMB) Salleh Jusman, wakil daripada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Pengurus Besar Pelabuhan Tanjung Bruas Nizam Ibrahim, serta agensi lain yang terlibat.

Jelasnya, projek pembangunan di pelabuhan itu akan melibatkan penambakan laut se-luas 57.57 hektar, selain turut melibatkan pembangunan jeti tambahan.

Tambahnya lagi, kajian impak alam sekitar (EIA) jadual pertama bagi pembangunan projek berkenaan sedang disiapkan dan akan diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka.

N10 - ASAHLAN

Pesta Ponggal Asahan meriah!

ASAHLAN - Pesta Ponggal 2022 yang diadakan di JAPERUN Asahan, baru-baru ini disambut meriah dengan kehadiran orang ramai.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan Fairul Nizam Roslan berkata, dianggarkan seramai 150 orang daripada masyarakat berbilang kaum turut memeriahkan pengajuran berkenaan.

Katanya, program itu, antara lain mengeratkan silaturahim sesama masyarakat selain meraikan perbezaan budaya di negeri ini.

"Ia juga turut memantapkan kerjasama perpaduan masyarakat berbilang kaum iaitu India, Melayu dan Cina di Asahan."

"Terima kasih semua yang hadir menjayakannya. Semoga semangat keluarga Malaysia terus mekar dan subur di antara kita," katanya.



FAIRUL melihat tradisi membuat seni 'kolam' oleh masyarakat India di JAPERUN Asahan.

N18 - AYER MOLEK

Sedia 60 katil perubatan bantu pesakit

Siti Salehah

AYER MOLEK - Sebanyak 60 katil perubatan disediakan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Molek bagi memudahkan penjagaan dan memberikan keselesaan kepada individu yang mengalami masalah kesihatan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman berkata, kemudahan itu amat membantu khusus untuk mereka yang terlantar bagi tempoh lama.

Katanya, ahli keluarga kepada pesakit yang memerlukan katil perubatan itu boleh hadir ke Japerun bagi membuat permohonan sebelum dipertimbang dan diluluskan.



ANTARA katil perubatan yang disediakan di DUN Ayer Molek untuk disumbangkan kepada pesakit.

N14 - KLEBANG



BAN Hong ketika menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa banjir yang terjejas dalam DUN Klebang baru-baru ini.

Ringankan beban 43 mangsa banjir

Fiqah Jamal

KLEBANG - Seramai 43 mangsa banjir dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang menerima bantuan dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan kerajaan negeri baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Datuk Lim Ban Hong menerusi laman Facebook rasminya berkongsi gambar sekitar penyampaian bantuan tersebut.

"Seramai 43 keluarga dari sekitar DUN Klebang yang terjejas diberi perhatian dan diharapkan mangsa yang terkesan untuk

terus tabah.

"Semoga bantuan ini meringankan beban mereka yang terkesan akibat banjir," katanya.

Dalam majlis tersebut, rata-rata penerima bantuan terbabit ceria ketika menerima bantuan.

Posting tersebut mendapat sebanyak 386 tanda suka daripada pengikutnya, selain ada yang mengucapkan tahniah di atas keprihatinan Ban Hong meskipun berdepan jadual padat sebagai wakil rakyat dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

N15 - PENGKALAN BATU

Gotong royong indahkan Pengkalan Batu

Siti Salehah

PENGKALAN BATU - Kerjasama dan penglibatan masyarakat amat penting dalam memastikan kebersihan persekitaran terutamanya kawasan kediaman sentiasa dalam keadaan baik.

Malah kebersihan menjadi agenda utama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu Datuk Kalsom Noordin yang merancang mengadakan gotong-royong perdana bagi mengindahkan kawasan penempatan di Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

Beliau yang sempat meluangkan masa turun padang menyertai Program Gotong-Royong Rumah Pangsa Pantai Peringgit berkata, aktiviti itu dijayakan penduduk agensi kerajaan dan sukarelawan dalam kalangan pelajar.

"Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang gotong-royong membabitkan kerja mencat pokok dan pembersihan sampah di kawasan kediaman penghuni.

"Selain Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), gotong-royong ini turut disertai pelajar Kolej Antarabangsa Sains & Teknologi Melaka (MICOST)," katanya.



KALSON berucap pada Program Gotong-Royong Rumah Pangsa Pantai Peringgit, baru-baru ini.

N23 - TELOK MAS

Tunai janji sumbang 100kg beras untuk majlis kahwin



Fiqah Jamal

TELOK MAS - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman menunaikan janjinya untuk menyumbangkan 100 kilogram (kg) beras percuma bagi majlis perkahwinan kali pertama di Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Mas.

Janji itu merupakan antara manifesto yang ditarik dalam 10 Janji Razak sebelum ini.

Abdul Razak menerusi laman Facebook rasminya berkongsi pemberian beras untuk majlis kahwin yang telah disampaikan oleh pegawai-pegawaiannya.

"Pemberian 100kg beras percuma untuk minggu ini disempurnakan oleh pegawai-pegawai saya di Telok Mas. Tahniah!" katanya.

Difahamkan, lebih lima majlis perkahwinan dalam DUN Telok Mas telah diagihkan beras percuma itu yang mana setiap majlis menerima 100 kilogram beras bersamaan dengan 20 kampit beras seberat lima kilogram.

Selain janji tersebut, Abdul Razak juga telah menunaikan beberapa lagi janji lain seperti termaktub dalam manifestonya pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang lalu sejurus selepas memenangi kerusi DUN terbabit.



PENGAGIHAN beras percuma untuk majlis perkahwinan kali pertama di DUN Telok Mas.



KHAIDHIRAH berbincang bersama wakil JKR Melaka mengenai perancangan pembangunan di DUN Rim.

N25 - RIM

Ambil tindakan, jangan hanya 'melawat'

Siti Salehah

DUYONG - "Tidak boleh selesai semua kita selesai sikit, kalau tidak boleh selesai sikit, kita selesai semua tetapi masa panjang diperlukan," kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong Mohd Noor Helmy Halem berhubung isu banjir membabitkan tiga jalan di Desa Duyong, di sini.

Menurutnya, bagi menyelesaikan masalah banjir di Jalan 12, Jalan 18 dan Jalan 23 beberapa tindakan sudah diambil oleh pihak bertanggungjawab termasuk Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Katanya, antara tindakan dirancang adalah membaik pulih longkang di Jalan 23 dan Jalan 18 namun perlu menunggu sebut harga, selain menyelesaikan perkara membabitkan pengambilan tanah.

"Longkang Jalan 23 sudah ada jawapan, tunggu hendak keluar sebut harga kerja baik pulih manakala Jalan 18 pula pembaikan termasuk dalam projek MBMB dan kerja pengambilan tanah sedang dibuat."

"Saya minta sebelum tender dikeluarkan, bincang dulu dengan penduduk skop kerja yang terbabit kerana nampak gayanya banyak 'pengorbanan' bersama perlu ada," katanya.

Mohd Noor Helmy berkata, status di Jalan 12 belum ada penyelesaian selain perlu menunggu MBMB melawat semula lokasi bagi menjelaskan siasatan dan kerja mengukur.

N25 - RIM

Dira fokus majukan Rim

Liana Sahabudin

RIM - Kerjasama erat dengan jabatan dan agensi kerajaan amat penting bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar yang komited untuk menyediakan lebih banyak kemudahan memberi manfaat kepada penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) ini.

Khaidirah atau lebih dikenali sebagai Dira berkata, perjumpaan dengan jabatan dan agensi berkaitan kerap diadakan bagi merancang serta memastikan semua pelaksanaan dasar berjalan lancar.

"Sebelum ini saya menerima kunjungan daripada Jurutera daerah Jasin Ir Kalam Mohd Noh yang mewakili Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka.

"Antara perkara dibincangkan pada pertemuan itu adalah perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan serta kerja-kerja yang berkaitan dengan JKR Melaka," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya.

Beliau yang juga Timbalan Speaker DUN berkata, banyak kemudahan yang akan dibawakan oleh pihak JKR Melaka dan Jasin untuk pembangunan Rim.



MOHD Noor Helmy (kanan) melihat perancangan kerja mengatasi banjir di Desa Duyong.

Beliau berkata, walaupun pemasalahan itu tidak dapat diselesaikan secara menyeluruh namun apa yang penting usaha dan disusuli tindakan bukan hanya membuat lawatan sahaja.

N27 - MERLIMAU

Kelong kupang disusun semula

Faiz Hasan

MERLIMAU - Penyusunan semula kelong peneranganan kupang akan dijalankan, sekali gus menjamin keselamatan nelayan sekitar dan menjadikannya lebih sistematis.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, lokasi pancang dan kelong yang tidak tersusun di perairan berkenaan menyukarkan pergerakan keluar masuk selain mengehadkan keluasan nelayan memukat ikan.

Jelasnya, perancangan menerusi kerjasama nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Melaka itu dijangka mampu diselsaikan segera.

"Hasil pemantauan mendapati pancang dan kelong di kawasan itu tidak tersusun, kedudukannya ber-



taburan malah ada yang tidak terjaga kerana dibiarkan begitu saja.

"Diharapkan aktiviti peneranganan kupang mampu dikembangkan, sekali gus mewujudkan satu lagi produk pelancongan baru di Merlimau," katanya.

Beliau berkata apa yang membanggakan mengikut rekod LKIM kupang diternak di perairan Merlimau adalah yang terbaik di negara ini.

“ Diharapkan aktiviti peneranganan kupang mampu dikembangkan, sekali gus mewujudkan satu lagi produk pelancongan baru di Merlimau ”



MUHAMAD Akmal meninjau kelong kupang di Merlimau.

N26 - SERKAM

Sangkar 2 meter perangkap monyet

Fiza Jamal

SERKAM - Bagi menangani masalah monyet liar yang menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan orang ramai di Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam beberapa perangkap dipasang di lokasi dikenal pasti menjadi tumpuan haiwan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Datuk Zaidi Attan berkata inisiatif Japerun Serkam bersama Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) DUN Serkam itu bertujuan menjamin keselamatan orang ramai dan mengurangkan gangguan monyet liar khusus di kawasan penempatan.

"Usaha ini adalah susulan aduan orang ramai mengenai gangguan monyet liar diterima pihak Japerun. Haiwan liar ini dilaporkan turut merosakkan tanaman dan merosakkan barang milik penduduk."

"Terima kasih kepada pihak Japerun dan pasukan RELA yang menghantar sendiri perangkap monyet ke kawasan berkenaan," katanya menerusi kenyataan di Facebook rasminya.

Beliau berkata, perangkap setinggi dua meter itu dihantar oleh anggota RELA menggunakan kenderaan pacuan empat roda milik Japerun Serkam.



PERANGKAP 2 meter yang akan dipasang di kawasan 'hotspot' monyet liar di sekitar Serkam.

N28 - SUNGAI RAMBAI

12 pasukan bola sepak rebut Piala ADUN



SITI Faizah (tengah hadapan) bersama pasukan SR FC (kiri) dan Serkam United FC pada perlawanan pertama kejohanan bola sepak Piala YB ADUN Sungai Rambai di Padang Awam Seri Mendapat.

Farah Suhaidah Othman

SUNGAI RAMBAI - 12 pasukan bola sepak sekitar Jasin termasuk Sungai Rambai berentap untuk ke pentas final sekali gus merebut Piala YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai.

Sepak mula liga bola sepak anjuran Pemuda UMNO cawangan itu disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Siti Faizah Abdul Aziz di Padang Awam

Seri Mendapat, pada 5 Feb lalu manakala aksi final dijangka diajak pada 27 Mac depan.

Penganjur kejohanan yang juga Setiausaha Pemuda UMNO Sungai Rambai, Mohd Riduan Mohd Yusof berkata, kejohanan julung kali dianjurkan itu bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan anak muda bukan sahaja di Dewan Undangan Negeri (DUN) dan sekitar.

"Juara bakal membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 dan piala manakala naib juara

wang tunai RM1,500 serta piala.

"Bagi tempat ketiga, akan membawa pulang sebanyak RM1,000 dan piala manakala keempat bakal memperoleh hadiah wang tunai RM500," katanya ketika dihubungi.

Siti Faizah, turut meluangkan masa menyaksikan aksi sepak mula antara Serkam United FC dan Kelab Bola Sepak Sungai Rambai (SR FC).

Pada perlawanan itu, Serkam United FC berjaya menewaskan SR FC dengan keputusan 4-1.



MIMBAR MAIM

"Be na r b e n a r s a ng a t b e runtung o ra ng -o ra ng ya ng m e m b e rs i h k a n d i ri d e n g a n b e ri man d a n se ntia sa b e rzikir me nyebut na ma Tuhan nya se rta me nge ja ka n se mba hyang ." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"De mi se sung guhnya ! Ka mi a ka n me ng uji ka mu de ng a n se dikit ke ta kuta n, ke la pa ra n, da n ke kura ng a n da ni ha rta b e nda se rta jiwa da n ha sil ta-na man. Da n be ri la h kha barg embira ke pada o ra ng ya ng sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Hutang bukan perkara remeh

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

BERHUTANG diharuskan dalam Islam, tetapi bukan bertujuan bermewah-mewahan namun Islam memilih jalan berhutang sebagai jalan terakhir jika benar-benar tiada ruang untuk mengelakkan perkara berkenaan.

Sejak sekian lama masalah hutang tidak terlungsai berlaku dalam masyarakat dan punca utamanya adalah culas dalam membayar hutang mahupun senangga melupakan serta menganggap perkara itu tidak penting untuk diselesaikan.

Disebut didalam al-Quran dan hadis berkenaan dengan gambaran amat dahsyat kepada penghutang yang culas dan sengaja mencari alasan daripada melunaskan hutang.

Sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang bermaksud : "Di am-punkan semua dosa bagi orang mati terkorban syahid, kecuali jika dia mempunyai hutang (ke-pada manusia)." (Hadis Riwayat Muslim).

Hal berkenaan turut dijelaskan dalam hadis yang lain bermaksud : "Jiwa seorang Mukmin tergan-tung kerana hutangnya hingga hutangnya dilangsakan." (Hadis Riwayat Tirmizi, Ibnu Majah dan Baihaqi).

Al-Quran sendiri telah mengisyaratkan berat perihal hutang dengan ayat paling panjang seper-

timana yang telah disebut dalam surah al-Baqarah ayat 282 serta telah dinukilkan juga hutang perlu dilunaskan walaupun penghutang sudah meninggal dunia dengan hartanya sendiri sebelum dibahagikan sebagai pusaka kepada waris.

Allah SWT berfirman: *Dan bagimu (suami) satu perdua dari-pada harta ditinggalkan isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isterimu itu mem-punya anak, maka kamu mendapat satu perempat harta ditinggalkannya sesudah dipen-uh iwasiat yang mereka buat atau (dan) selepas dibayar hutangnya.* (Surah Al-Nisa' ayat 12).

Jelas disini pembayaran hutang bukan perkara boleh dibuat main-main mahupun dianggap remeh justeru lebih jelas al-Quran menganjurkan diwujudkan perjanjian sekiranya berhutang bagi memudahkan perkara berbangkit di masa hadapan kelak.

Sebagaimana jelas dalam firman Allah SWT : *Wahai orang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang-piutang yang diberi tem-poh hingga suatu masa tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu.* (Surah al-Baqarah ayat 282.).

Kesimpulan di sini, ambillah berat dan cakna mengenai hutang kerana ia akan berkait rapat dengan kehidupan dunia dan akhirat.

Di dunia sudah tentu kebobro-

kan berhutang akan menyebabkan krisis kepercayaan antara satu sama lain, bermusuhan, berden-dam dan menyebabkan maruah tercalar serta sudah pastinya kehidupan selepas kematian menjanjikan seksaan amat pedih kerana melakukan penganiayaan kepada manusia lain.

Justeru, seperti kita bersung-guh-sungguh meminta hutang, maka selayaknya kita juga ber-sungguh-sungguh melunaskannya walaupun bermula dengan kadar sedikit pada setiap setiap bulan dan pastinya si pemberi hutang atau pemutang berasa lega serta faham akan kesungguhan si peng-

hutang menjalankan tanggungja-wabnya.

Dalam pada itu, berhutang dengan kadar selayaknya mengikut kemampuan diri dan usah sesekali mudah mencipta hutang dalam perkara bukan menjadi ke-perluan sehingga menjadi beban diri serta keluarga.

DISHARE OLEH:
 GALERI POSTER DAKWAH

Bayar Hutang Jangan Ditunda!



Rasulullah ﷺ bersabda :

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ

"Penundaan orang yang mampu (untuk membayar hutang), adalah perbuatan zhalim."

(HR. Al-Bukhari & Muslim)

www.radiotarbiyah.com @salafybanjarnegara dishare yuk !

SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA

KAEDAH 01
MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKAUN "SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA" 04015010078877 (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

KAEDAH 02
MELALUI POTONGAN GAJI, MUAT TURUN BORANG POTONGAN GAJI DI PORTAL IWAKAF MAIM (<https://iwakaf.maim.gov.my>)

KAEDAH 03
MELALUI "STANDING INSTRUCTION (SI)" MENGGUNAKAN PERBANKAN INTERNET

3 KAEDAH BERWAKAF

#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat

Jom Berwakaf

BANK ISLAM
04015010078877 (BIMB)
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka)

Erwin Abu Hasan
erwin@aim.gov.my



PRIHATIN...Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud meninjau rumah asnaf Farid Abu Kasim yang terbakar di Kampung Padang Kemunting baru-baru ini. Beliau turut menyampaikan sumbangan wang tunai kepada mangsa dan memastikan bantuan yang sewajarnya akan dipertimbangkan bagi membantu mangsa.



BINCANG BERSAMA... Deligasi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) diketuai Penolong Setiusaha Pembangunan Sumber Manusia, Rizalman Syed mengadakan kunjungan hormat ke Lembaga Zakat Selangor baru-baru ini. Kunjungan kali ini memberi tumpuan kepada beberapa perkara berkaitan pengurusan agihan zakat yang dilaksana di negeri Selangor serta ruang berkenaan turut dimurnikan dengan bertukar pandangan mahupun idea bagi memperkuuh pengurusan agihan zakat secara amnya.

JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

PUTARAN BUMI

BERPUTAR DARI ARAH BARAT KE TIMUR PADA PAKSI

KESAN PUTARAN BUMI

Kejadian siang dan malam
Kedudukan matahari kelihatan berubah-ubah
Kejadian air pasang surut
Perubahan arah dan panjang bayang-bayang objek

1 PUTARAN LENGKAP = 24 JAM / 1 HARI

www.muftimelaka.gov.my [Jabatan Mufti Negeri Melaka](#) [@MuftiMelaka](#)

LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@aim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"

Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Syukur atas bantuan yang dihulurkan



Datuk Hj. Ibrahim

Bin Fadil

Ketua Pegawai
Eksekutif Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

IBADAH zakat ini amat penting bagi setiap individu Muslim yang tahu tentang kewajipan berzakat. Harta yang dikeluarkan sebagai zakat akan menjadi berkat dan bersih serta menjadi tabungan saham akhirat nanti. Adalah menjadi tanggungjawab individu untuk menyucikan sumber rezeki yang diberikan oleh Allah SWT supaya hati dan jiwa akan sentiasa bersih, selain hati dan jiwanya bersih, kekayaannya juga akan bertambah. Yakin dan percayalah setiap amal kebaikan ibadah yang dilakukan akan mendapat rahmat dan ganjaran pahala berlipat ganda oleh Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah At-Taubah ayat 103:

Yang bermaksud: "Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan doakanlah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Banyak panduan al-quran dan hadis Nabi SAW menyebut tentang gandingan ibadah solat dan zakat. Selaras dengan itu, maka wujudnya institusi zakat di seluruh negeri-negeri di Malaysia sebagai amil zakat yang dilantik. Sepertimana sedia maklum, Zakat Melaka ditubuhkan sebagai memungut hasil zakat dari umat Islam yang cukup syarat-syaratnya. Manakala Majlis Agama Islam Melaka, Bahagian Agihan Zakat diamanahkan untuk mengagihkan bantuan zakat kepada golongan yang memerlukan. Sesungguhnya, usaha ini tidak akan mencapai kejayaan tanpa sokongan pembayar-pembayar zakat yang telah mengeluarkan harta mereka untuk diserahkan kepada asnaf-asnaf zakat yang layak semata-mata mendapat keredaan

Allah SWT.

Berdasarkan data agihan zakat sehingga November 2021, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah mengagihkan bantuan zakat berjumlah RM79.81 juta melalui pelbagai jenis skim bantuan dan mengadakan program pembangunan kepada golongan asnaf. Antaranya melalui bantuan seperti kewangan, makanan bulanan, bantuan sakit kronik dan terlantar, bantuan hari raya, bantuan makanan kecemasan, bantuan am, rawatan hemodialisis, bantuan saraan anak sekolah, saraan anak IPT, bantuan sewa kediaman serta banyak lagi.

Melalui bantuan zakat sebegini, seramai 8,151 orang asnaf fakir dan miskin di Negeri Melaka telah mendapat manfaat yang cukup besar untuk meneruskan kehidupan mereka. Bahkan, anak-anak mereka turut berpeluang untuk mendapat pendidikan yang sempurna sebagaimana anak-anak orang lain iaitu melalui bantuan yuran sekolah, saraan pendidikan dan keperluan pendidikan.

Selain daripada itu, asnaf muallaf seramai 179 orang telah mendapat manfaat zakat berjumlah RM4.5 juta melalui program seperti kursus, latihan pemantapan akidah, bantuan hari raya, saguhati memeluk Islam, bantuan am dan pelbagai lagi program yang dapat mendidik dan membantu mengukuhkan akidah, kefahaman serta pembangunan diri.

Di samping itu, asnaf fisabilillah juga telah mendapat manfaat zakat melalui aktiviti-aktiviti dakwah, keagamaan, program sumbangan IPT, skim bantuan tuisyen bagi sekolah agama, elauan tahfiz, sumbangan guru takmir, sumbangan pemberian kecil masjid / surau dan

sebagainya yang berjumlah RM21.91 juta telah diagihkan kepada asnaf fisabilillah bagi mewujudkan jalinan ukhuwah dan silahturrahim sesama masyarakat Islam.

Pengagihan bantuan zakat kepada para asnaf yang layak berdasarkan kriteria-kriteria had kifayah pendapatan isi rumah dan telah didaftar oleh pihak MAIM sebagai asnaf fakir dan miskin di Negeri Melaka. Kebanyakan asnaf yang menerima bantuan zakat ini menyatakan terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat. Ini kerana zakat yang dibayar dan diterima oleh asnaf di Negeri Melaka ini dapat memberi manfaat cukup besar bagi mereka yang kurang berkemampuan seterusnya bersyukur atas bantuan zakat yang dihulurkan bagi meringankan beban mereka dalam kehidupan sehari-hari.

Pada akhir Disember 2021 telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang turut serta bagi melaksanakan pembayaran Zakat Perniagaan di Zakat Melaka (ZM) dengan mewakilkan setiap syarikat mereka untuk memenuhi tuntutan syarak serta membantu mereka yang memerlukan. Antaranya Lembaga Tabung Haji, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Fazil Group, Tenaga Nasional Berhad, Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd. dan 16 lagi agensi yang bersama-sama dalam majlis penyerahan tersebut.

Semoga mereka yang menyumbang dan menunaikan zakat ini tidak kiralah individu maupun agensi-agensi kerajaan dan swasta akan mendapat ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah SWT serta mendapat keberkatan dari-Nya. In Shaa Allah.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Telefon :
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat
- (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com





Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

1-300-88-0233 www.izakat.com Zakat Melaka zakat.melaka [Zakat Melaka](https://twitter.com/Zakat_Melaka) [Zakat Melaka](https://www.youtube.com/ZakatMelaka)



مَجْلِسِ إِيمَانِ مَلَكَه
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

NOTIS HEBAHAN HARTA LUQATAH (DIJUMPAI TAHUN 2020 DAN 2021)

TARIKH MULA : 07 JANUARI 2022
TARIKH TAMAT : 07 JANUARI 2023

BIL.	NO. DAFTAR	JENIS BARANG	LOKASI DIJUMPAI
1	000062	Barang kemas wanita	Majlis kenduri di rumah Pn. Zaleha binti Abu Bakar
2	000063	Barang kemas wanita	Tidak diketahui
3	000064	Barang kemas wanita	Masjid Laksamana Hang Tuah Duyong
4	0006	Barang kemas wanita	AEON bandaraya Melaka
5	0007	Barang kemas wanita	Masjid Kg. Hulu
6	0009	Barang kemas wanita	Masjid Kg. Hulu
7	0017	Barang kemas wanita	Kedai Gambar Merlimau
8	0019	Barang kemas wanita	Mydin Ayer Keroh

Sukacita dimaklumkan, Majlis Agama Islam Melaka telah menerima penyerahan Harta Luqatah (harta yang tercicir atau hilang). Pemilik dikehendaki hadir berurusan di Seksyen MAL, Majlis Agama Islam Melaka untuk tindakan selanjutnya. Pemilik boleh berbuat demikian dalam tempoh satu(01) tahun mengikut tarikh notis hebahan ini dikeluarkan.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA
 PUSAT ISLAM MELAKA
 BUKIT PALAH, 75400 MELAKA
 TEL : 06-283 7416 / 06-284 9809 / 06-283 2077
 NO. FAKS : 06-282 6033 / 06-288 2792

Japan's Orient: Tōyō and the Belief on Malay Origins



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

THE Japanese narrative sees itself as intellectually and culturally competing with Europe. It seeks to be recognized as culturally and technology Western. Japanese historians and intellectuals towards the end of the 19th century began to struggle to redefine Japan as most civilized; and to become modern without losing their identity.

Japan was much troubled by a backward Orient. The Japanese believe in the scientific study of man, more specifically in European Enlightenment and Romantic historiography. Tōyō, which literally means eastern seas, and normally understood as the Orient, became the Japanese pasts. The leading object within that realm was *Shina*. China, and the rest of Southeast Asia – mainland and the Malay Archipelago, were the Japanese Orient. They needed to have one. Because the West has earlier produced theirs. The narrative of Japan's modern period drew parallels to that of Europe in its encounters and experience with the rest of the world.

To illustrate Japan's need for an orient, we use the example of *Shina*, the Japanese appellation for China, during the first half of the 20th century. Various Japanese groups in the modern period used *Shina* to emphasize difference. Nativist (*kokugaku*) scholars, for example, use *Shina* to separate Japan from the barbarian/civilized or outer/inner implication of the term *chūgoku*. The term was used by early 20th-century Chinese revolutionaries to distinguish themselves from the Manchus of the Ch'ng dynasty (1644-1912).

In early 20th century Japan, *Shina* emerged as a word that signified China as troubled place mired in its past, in contrast to Japan, a modern Asian nation. According to Stefan Tanaka in *Japan's Orient: Rendering Pasts into History* (1993), while *Shina* and *Nippon* (the pre-war and more nationalistic pronunciation of *Nihon*, meaning Japan) represent territorial constructions of nation states, *tōyō* represents a broader geocultural notion of territoriality. In a 1936 article, a historian at Waseda University, while recognizing several different uses of the word before the middle of the 1850s, argued that the meaning of *tōyō* after the Meiji Restoration became simply "that which was not the Occident."

Later, *tōyōshi* began to take shape. It

literally means Oriental history, the effort at establishing a Japanese perspective on its history. The thinking among Japanese intellectuals then was to fill the void of the European Enlightenment's 'world histories'. Japanese Oriental Studies is a contradiction in terms in itself. The Japanese Enlightenment wanted to parallel that of the European Enlightenment.

Progressive history was the mantra. Tanaka explains that by emphasizing the history of the East, as opposed to the West, Japanese historians accepted and maintained a geocultural distinction between the two regions. While *tōyō* assumed "merely cultural difference," *tōyōshi* represents an authorized Japanese view of Europe and Asia. Significantly it established Japan's cultural, intellectual and structural superiority over China. While Europe and the West became an other with which Japan compared itself, *Shina* became a different other, described as an object, an idealized space and time from which Japan developed.

Hence *Shina* was transformed as an object within Japan's later 19th and 20th centuries ideological space, represented by *tōyō*. It was suggested that *tōyō* provided the conceptual arena for Japanese geopolitical and cultural claims that encompassed and located both *Shina* and other Asian entities, including the Malay archipelago. The *Tanah Air* was in the orbit of *tōyō*.


Tōyō in its earliest form, was used by Chinese merchants to refer to the body of water around Java, where the waters to the West was called *seiyō*, or the Western seas. The meaning of Japan began to change with growing awareness of Europe. Eurasia was divided into two - *seiyō* (West)

“ Inoue argued that Japan's ancestors were related to the Malays, and weighted his position on the Malay narrative. ”

and *tōyō* (East). Tanaka notes that during the 1880s, *tōyō* appeared in a number of publications as an appellation for the culture of the East; and by the end of the 20th century, *tōyō* signified the opposite of the Occident, including the characteristics connected with Oriental civilization (*tōyō no bunmei*) and peace (*tōyō no heiwa*).

Hence Tanaka's book provides the debate on the narrative of origins. In the 1890s into the 1900s, Japanese intellectuals drew on competing theories of Western Orientalists on Japan's beginnings in relation to Asia. Some have debated on whether the Japanese originated from "the Malay-Polynesian race, whether they derived from the same people as Koreans, or whether the original Japan was derived from the Thalassocracy comprising present-day Japan, Korea and south eastern China.

In an 1890 paper, Inoue Tetsujirō, professor of philosophy at the Tokyo Imperial University presented a version on



ACCORDING to Stefan Tanaka in *Japan's Orient: Rendering Pasts into History* (1993), while *Shina* and *Nippon* (the pre-war and more nationalistic pronunciation of *Nihon*, meaning Japan) represent territorial constructions of nation states, *tōyō* represents a broader geocultural notion of territoriality.

gins and the beginning of a progressive history. From the period of the Meiji Restoration, Japan made the rest of Asia as its orient. Asia became the spatial and temporal objects through which the Japanese defined themselves.

From the late 1800s, the Japanese already saw the value of oriental studies to their national past. They were concerned on teaching "Europeans to distinguish Japanese from others." It is to show that Japan was much more advanced than Asia. In *tōyō*, geography becomes the foundation of Japan's national past and future.

**NEXT WEEK:
Of Nusantara
and Nusantaria**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



WWW.KIBGIM.COM



SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SAINS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI

HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: SAINSBahagian A

1. Berikut adalah contoh proses-proses yang mempengaruhi jejak karbon (*carbon footprint*) kecuali
 - A. Pembebasan gas rumah hijau
 - B. Aktiviti persendirian
 - C. Imbangan (offset)
 - D. Tanah
2. Rajah 1 merupakan Tapak Tangan Karbon (*carbon handprint*). Apakah tujuan utama Tapak Tangan Karbon (*carbon handprint*) bagi sesuatu produk?



Rajah 1

- A. Mengurangkan jejak karbon bagi sesuatu produk dan menambahkan impak positif terhadap kelestarian alam sekitar.
 - B. Impak negatif terhadap kelestarian alam sekitar yang disebabkan oleh produk tersebut sepanjang kitar hayatnya.
 - C. Impak positif terhadap kelestarian alam sekitar yang disebabkan oleh produk tersebut sepanjang kitar hayatnya.
 - D. Mengurangkan keupayaan penipisan lapisan ozon.
3. Pengurusan sisa yang cekap ke arah kelestarian alam sekitar adalah seperti konsep 5R. Berikut adalah maksud 5R.
 - A. Refuse, Reduce, Recycle, Reuse, Redo
 - B. Refuse, Reduce, Recycle, Reuse, Rot
 - C. Refuse, Reduce, Recycle, Reuse, Reface
 - D. Refuse, Reduce, Recycle, Reuse, Rebind
 4. Berikut adalah jenis pencemaran alam sekitar kecuali
 - A. Pencemaran udara
 - B. Pencemaran laut
 - C. Pencemaran termal
 - D. Pencemaran air

5. Apakah Indeks Pencemaran Udara (IPU)?
 - A. Parameter pencemaran udara yang diukur untuk menentukan tahap pencemaran udara.
 - B. Parameter pencemaran air yang diukur untuk menentukan tahap pencemaran udara.
 - C. Parameter pencemaran tanah yang diukur untuk menentukan tahap pencemaran udara.
 - D. Parameter pencemaran alam yang diukur untuk menentukan tahap pencemaran udara.

Bahagian B


1. Rajah 2 menunjukkan contoh kaedah kitar semula iaitu *Upcycle*.



Rajah 2

- a) Apakah *Upcycle*?
- b) Apakah perbezaan antara *Recycle* dan *Upcycle*?

2. Mikroplastik ialah kepingan plastik dan menjadi bahaya sekiranya berada di dalam badan organisma aquatik. Rajah 3 menunjukkan pemindahan mikroplastik antara pelbagai jenis organisme sehingga berakhir dalam badan manusia.



Rajah 3

- a) Berapakah ukuran mikroplastik menurut U.S. National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)?
 - b) Apakah isu mikroplastik yang diperkatakan dalam siratan makanan?
3. Rajah 4 menunjukkan bebola lumpur mikroorganisma efektif (*Effective Microorganism*, EM).



Rajah 4

- a) Namakan mikroorganisma yang digunakan untuk membuat bebola lumpur mikroorganisma efektif.
- b) Bagaimanakah mikroorganisma efektif merawat air yang tercemar?

JAWAPAN:**BAHAGIAN A**

1. D
2. A
3. B
4. B
5. A

BAHAGIAN B

1.
 - a) Idea pengurusan yang cekap yang digunakan untuk menghasilkan produk yang baharu.
 - b) Perbezaan antara *Recycle* dan *Upcycle* adalah *Recycle* perlu melalui proses penguraian untuk penggunaan semula bahan di dalam proses pengilangan manakala *Upcycle* hanya perlu mengguna semula produk di sekililing untuk mencipta produk untuk penggunaan semula.
2.
 - a) kurang daripada 5 mm
 - b) Isu mikroplastik dalam rantai makanan dapat diselesaikan dengan cara mengurangkan sisa plastik dan penggunaan produk plastik.
3.
 - a) *Lactobacillus casei*, *Rhodopseudomonas palustris*, *Saccharomyces cerevisiae*.
 - b) *Lactobacillus casei*, merawat sisa kumbahan, menyingkirkan bau busuk air, merencangkan pertumbuhan mikroorganisma berbahaya dan memudahkan pereputan bahan organik. *Rhodopseudomonas palustris*, bakteria fotosintetik menggunakan bahan organic untuk mensintesis bahan yang berguna seperti asid amino dan gula untuk pemakanan haiwan dan tumbuhan aquatik. *Saccharomyces cerevisiae*, yis menghasilkan bahan keperluan bagi pertumbuhan tumbuhan hijau.

Syabas dan tahniah MHI! - Sulaiman

Faiz Hasan

LENDU - "Syabas dan tahniah diucapkan kepada akhbar Melaka Hari Ini (MHI) atas rasa tanggungjawab dan inisiatif membantu anak-anak kita daripada keciran dalam pelajaran khusus dalam suasana pandemik ini ketika ini," kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata demikian ketika memuji keprihatinan pengurusan media rasmi kerajaan negeri itu yang bukan saja mementingkan elemen perkongsian maklumat malah kini turut bersama-sama muahu memperkasakan lagi mutu pendidikan di negeri ini.

Katanya, meskipun berdepan kesukaran akibat pandemik COVID-19 MHI tetap menjalankan program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Kita sudah dimaklumkan awal bahawa akhbar ini akan menyiarkan sisipan soalan buat pelajar menduduki Sijil Pelajaran



SULAIMAN (tiga dari kiri) melihat Buku Didik Smart A+ yang diedarkan kepada calon SPM DUN Lendu, yang turut disaksikan Abdul Jalil (tiga dari kanan). Foto: Iqmal Haqim Rosman

Malaysia (SPM) dan Alhamdulillah ia telah pun dilaksanakan.

"Program seperti ini juga bukan difokuskan

pada Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu namun ia juga akan diperluaskan melibatkan DUN lain juga di negeri ini," katanya ke-

pada MHI. Terdahulu, Sulaiman menyempurnakan Program Penyerahan Buku Didik Smart A+ DUN Lendu ke-

pada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Alauddin, SMK Ghafar Baba, SMK Hang Kasturi dan SMK Sungai Udang

yang turut disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif MHI Datuk Seri Abdul Jalil Hamid.

Setiap sekolah menerima agihan sebanyak 125 naskah Buku Didik Smart A+ yang akan membantu calon SPM melakukan latih tubi dan pecutan akhir sebelum menduduki SPM awal Macini.

Sulaiman berkata, sesi pembelajaran ketika ini juga amat mencabar kerana pelajar dan guru tidak dapat bersemuka secara kerap berikut penutupan sekolah.

Buku Didik Smart A+ merupakan kompilasi soalan-soalan terpilih subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah yang disediakan guru-guru Kelab Ibu bapa Guru Islam Melaka (KIBGIM).

Untuk rekod, SMART A+ merupakan antara kolumn mingguan yang terkandung dalam akhbar Melaka Hari Ini.

MHI kongsi pendidikan bermutu menerusi Smart A+

LENDU - Sisipan Didik Smart A+ antarainisiatif dijalankan Melaka Hari Ini (MHI) dalam membantu meningkatkan lagi mutu pendidikan pelajar sekolah khususnya calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MHI, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid berkata, inisiatif itu dianggap salah satu tanggungjawab MHI selain peranan hakiki sebagai agensi media rasmi kerajaan negeri.

Beliau berkata, sisipan Smart A+ dalam akhbar mingguan MHI menyediakan teknik menjawab dan rangkuman soalan SPM, sekali gus memberi peluang kepada calon melaksanakan latih tubi dan pecutan akhir sebelum menduduki peperiksaan bulan depan.

"Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) MHI ini dilaksanakan sejak tahun lalu menerusi kerjasama Kelab Ibu Bapa Guru Islam Melaka (KIBGIM) dengan memberi fokus kepada empat subjek seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

"Pendidikan penting dan kita tidak boleh abai-

kan, jadi MHI mahu terbabit secara langsung dengan menyediakan akses kepada pembelajaran dan pengajaran bermutu," katanya.

Abdul Jalil berkata, kompilasi buku soalan itu adalah himpunan sisipan Didik Smart A+ akhbar MHI sepanjang tahun lalu.

Katanya penganjuran kali kedua itu akan diperluaskan ke semua Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka dan akan ditambah baik selepas ini bagi memastikan pelajar menerima set lebih awal sebelum peperiksaan.

"Mungkin tahun depan sekiranya peruntukan memberangsangkan kita akan terbitkan empat buku berbanding sekarang hanya satu. Serahan kepada calon-calon SPM di sekolah masing-masing akan dilakukan lebih awal.

"Kalau lebih banyak permintaan mungkin, taajan atau ibu bapa yang ingin membeli kita mencadang mungkin akan menjual buku-buku ini kepada mana-mana yang berminat," katanya.



ABDUL Jalil (kanan) bersama Sulaiman (kiri) pada Program Serahan Buku Didik Smart A+ DUN Lendu di Kompleks JAPERUN Lendu. Foto Iqmal Haqim Rosman

'Kita telah menemui sisipan Smart A+ sejak tahun lalu, yang mana kita bersyukur apabila 100 peratus pelajar SPM tahun lalu mencapai putusan lulus Bahasa Melayu. Jadi saya harap dengan bantuan seperti ini dia dapat kerajaan negeri dan Melaka Hari Ini, tahun ini kami dapat lagiputusan yang lebih memberangskan. Bagisaya program ini boleh dimplementasikan untuk semua sekolah bantuan kerajaan negeri Melaka kerana ia sangat membantu terutamanya menjalang musim peperiksaan.'



Pengetua SMK Sultan Alauddin
Normah Adam



Pengetua SMK Hang Kasturi
Nor Fai'za Mustafa

'Latihan yang diberi dalam Buku Didik Smart A+ sangat sesuai dan kita dapat memang ne pati Sasaran Kejariahan (SKT) mata pelajaran sebelumnya yang ada. Mungkin pada akhir datang boleh berikut ke pada subjek Bahasa Inggeris dan Matematik memandang kan murid-murid sekolah luar bandar ingin mengikuti dalam dua subjek tersebut. Jadi kalau bahangan akan datang dipercayanya akan untuk dua subjek itu, ia sangatlah membantu.'

'Fertigasi meja' bawa pulangan lumayan



AHMAD Fairus mengemaskin tanaman sawi yang bakal dituai menggunakan teknologi fertigasi meja di ladangnya.

Faiz Hasan

TANJUNG BIDARA - Walaupun pernah jatuh terduduk apabila ladang seluas 8.09 hektar yang diusahakan terjejas teruk akibat pandemik COVID-19, ia bukan penghalang untuk seorang usahawan tani bangkit semula.

Ahmad Fairus Muhamad, 40, berkata, dugaan itu dihadapi dengan tenang apabila dia tidak lagi menoleh kebelakangan dan memulakan pertanian berkonsepkan fertigasi meja.

Walaupun berhabis puluhan ribu ringgit untuk membangunkan pertanian selari perkembangan teknologi itu, namun ia akhirnya membawa hasil lumayan.

"Apabila terkesan dengan pandemik memang saya akui hampir berputus asa. Ketika itu, saya usahakan pelbagai tanaman seperti timun, sawi, kangkung, bayam, bendi, petola dan peria yang ditanam mengikut petak.

"Namun, dek penanganan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlanjut a

begitu lama, semua 20 pekerja saya terkandas di Indonesia dan tanaman itu habis begitu sahaja.

"Walaupun begitu, saya tetap tidak mengalah kerana sudah berkecimpung dalam sektor ini sejak 10 tahun lalu dan berasa janggal sekiranya ditinggalkan terus.

"Jadi, sekarang saya guna teknik baharu ini (fertigasi meja) di tanah seluas 0.2 hektar," katanya.

Ahmad Fairus, mengeluarkan modal RM35,000 untuk membina sistem fertigasi meja yang diyakini mampu mengurangkan penggunaan pekerja, baja dan racun.

Ujar Muhamad Fairus, biarpun sebelum ini mampu menghasilkan hampir 10 tan sayur sehari, namun dia tekad untuk hanya meneruskan tanaman sawi dan ketumbar menggunakan teknologi berkenaan.

Sehingga kini, sebanyak 24 petak meja yang berukuran 6x50 kaki persegi dibinanya sejak lima bulan lalu mampu menghasilkan kira-kira 50 kilogram sawi buat sepetak meja dalam tempoh sebulan.

"Sebenarnya kaedah konvensional lagi berpatutan, namun teknologi ini (fertigasi meja) juga diperlukan bagi mengurangkan penggunaan baja dan racun.

"Cuma untuk pusing modal ia perlu masa yang lama kerana setiap kali tuaian hanya akan memperoleh sekitar RM8,000 dan itu pun belum lagi ditolak kos gaji pekerja dan operasi," katanya.

Lubuk rezeki barista, pengusaha kopi

Fiqra Jamal

BANDARAYA MELAKA

Pesta Kopi Melaka yang berlangsung selama dua hari pada 5 dan 6 Feb lalu di di The Shore Shop-

ping Gallery berjaya mempromosi lebih 60 pengusaha kopi dari seluruh Malaysia.

Pengurus Projek Pesta Kopi Melaka, Mohd Nasir Abdul Rashid atau lebih dikenali sebagai

Seir Rashid berkata pesta itu bertujuan mengetengahkan inisiatif usahawan tempatan dan menonjolkan seni dan kreativiti dalam pembuatan kopi.

"Di Pesta Kopi Melaka, lebih

60 usahawan kopi tempatan seluruh negara berkumpul untuk mempersembahkan produk minuman kopi masing-masing serta menunjukkan pelbagai cara dan seni penyediaan kopi," kat-

anya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, bagi Pengusaha Kopi Laiyan.KL Muhammad Afiq Junaidi, 29, pesta kopi itu memberi peluang kepada usahawan muda untuk tonjolkan seni dalam meniaga kopi.

"Kewujudan pesta kopi ini bagus, kerana menghimpunkan vendor-vendor kopi tempatan dari pelbagai latar belakang, pelbagai negeri dan sudah semestinya dianggap syurga kopi buat peminat kafein."

"Sambutan yang diterima memang sangat memberangsangkan dengan sasaran menjual 500 cawan kopi berjaya dicapai," katanya.

Nada sama turut disuarakan seorang lagi usahawan, Muhamad Alfadhlle Muhamad Razif, 31.

Dia yang menjual pelbagai pakaian vintaj di Serba-Serbi Flea Market turut menyifatkan Pesta Kopi Melaka lubuk rezeki buat dia dan rakan-rakan yang terlibat.

"Selain kopi, pesta ini turut dimeriahkan dengan jualan barang vintage berkualiti.

"Disebabkan tarikan pada pesta kopi memberangsangkan, kami peniaga di Serba-serbi Flea Market turut terkena tempias rezeki," ujarnya.



PENGUNJUNG melihat sendiri cara penyediaan kopi dan seni latte pada Pesta Kopi Melaka pada 5 dan 6 Feb lalu. Foto: Iqmal Haqim Rosman



DR. SHANKAR GUNARASA



KELENJAR tiroid adalah kelenjar hormon berbentuk rama-rama yang terletak di leher kita. Berlainan pula dengan beguk, pembengkakan kelenjar tiroid terletak di depan leher kita.

Kelenjar tiroid berfungsi menghasilkan hormon thyroxine yang berfungsi menjaga metabolisme badan dan juga fungsi tumbesaran badan kita. Terdapat 2 jenis hormon tiroid iaitu thyroxine (T4) dan triiodothyronine (T3), masing-masing mewakili 99.9% dan 0.1% hormon tiroid.


Selepas hormone ini dirembeskan ke dalam sistem badan, jumlah T4 yang banyak akan ditukarkan kepada T3, yang merupakan hormon paling aktif daripada segi biologi dalam memberi kesan metabolisme ke atas sel-sel badan.

Hyperthyroidism dan hypothyroidism adalah dua masalah kesihatan sering dikaitkan dengan gangguan hormon tiroid. Untuk pemahaman pembaca, hyperthyroidism atau bahasa mudahnya kelenjar terlebih aktif dan hypothyroidism pula adalah kelenjar kurang aktif. Gangguan hormon tiroid ini boleh memberi kesan sampingan kepada tumbesaran badan, fungsi harian badan dan adakalanya memberi kesan sampingan kepada jantung, seperti contoh sering kali jantung berdebar-debar. Ini disebabkan hormon tiroid yang berlebihan memberi kesan kepada fungsi jantung termasuk meningkatkan daya pengecutan otot dan kadar denyutan jantung.

Apakah gejala untuk simptom ini? Gejala simptom hyperthyroidism (kelenjar aktif) adalah seperti berikut:

- Tangan menggeletar (tremor) dan berpeluh.
- Rasa gementar.
- Degupan jantung yang laju.
- Mudah berpeluh dan panas walaupun dalam cuaca sejuk.
- Berat badan menurun.
- Cepat marah.

Kelenjar Tiroid: Apa perlu anda tahu?



Gejala simptom hypothyroidism (kelenjar kurang aktif) adalah seperti berikut:

- Letih lesu.
- Sulit untuk menumpukan perhatian dan tahap pemikiran yang lembab.
- Sembelit.
- Sentiasa berasa sejuk.
- Pendarahan haid yang banyak dan lama bagi wanita.

Diet yang sihat untuk hipertiroidism dilakukan dengan mengambil makanan tinggi kalsium (brokoli, badam, ikan, okra); makanan yang tinggi vitamin D (sardin, minyak ikan kod, salmon, tuna, dan cendawan); makanan tinggi magnesium (coklat gelap, badam, kacang,

biji); dan makanan yang mengandungi selenium (cendawan, beras perang, tembikai, sardin).

Di samping itu, kelenjar tiroid ini boleh mempunyai pembengkakan yang juga boleh menyebabkan seseorang pesakit itu menjadi hyperthyroidism, hypothyroidism dan juga euthyroid (tahap hormon yang normal).

Oleh itu jika seseorang pesakit itu datang dengan ketidakstabilan hormon seperti ini, mereka perlu menjalani ujian ultrasound tiroid dan ujian darah hormon tiroid.

Ada dua jenis pembengkakan di kelenjar tiroid iaitu Goitre (kelenjar keseluруhan membesar dari biasa) dan nodul tiroid (tumbuhan biji di tiroid). Adakalanya bengkok atau nodul ini membesar sehingga menghimpit saluran makan oesophagus di leher, saluran pernafasan dan juga urat saraf yang menjaga nadi

Diet yang sihat untuk hipertiroidism dilakukan dengan mengambil makanan tinggi kalsium (brokoli, badam, ikan, okra); makanan yang tinggi vitamin D (sardin, minyak ikan kod, salmon, tuna, dan cendawan); makanan tinggi magnesium (coklat gelap, badam, kacang, biji); dan makanan yang mengandung selenium (cendawan, beras perang, tembikai, sardin).

suara kita. Bila ini berlaku, pesakit akan berasa susah untuk menelan makanan yang pejal, seringkala sesak nafas dan suaranya akan berasa serak atau kasar. Ada juga barah tiroid boleh timbul daripada nodul-nodul ini. Barah tiroid adalah lebih banyak berlaku dalam kalangan wanita dewasa jika dibandingkan dengan lelaki ataupun remaja. Terdapat beberapa jenis barah tiroid dan ia bergantung kepada jenis sel barah itu berasal.


Apakah rawatan yang sebaiknya untuk masalah tiroid?

Masalah tiroid ini boleh dirawat secara ubatan ataupun pembedahan. Bagi masalah hypothyroidism dan hyperthyroidism, ubatan untuk meningkatkan hormon tiroid dan juga mengurangkan rembasan hormon tiroid (anti-thyroid) akan diberikan.


Rawatan secara pembedahan adalah perlu bagi masalah tiroid yang terdapat kemungkinan besar menjadi barah tiroid. Pembedahan juga boleh dijadikan sebagai rawatan jika goiter terlalu besar hingga menyebabkan gejala seperti kesukaran bernafas atau kesukaran untuk menelan.

Pembedahan juga dilakukan untuk kes nodul tiroid yang menghasilkan hormon tiroid berlebihan yang tidak dapat dikawal dengan ubat-ubatan.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah dan rawatan tiroid, anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



Ilustrasi kedudukan kelenjar tiroid pada tubuh manusia.



Pelajar tahfiz tanam cili

Din Ahmad

TABOH NANING - Bermula dengan sayuran berdaun seperti kangkung dan sawi pelajar Madrasah Tahfiz Ali-Imran, Kampung Rantau Panjang, di sini, kini mengusahakan penanaman cili padi bara secara fertigasi.

Pengetua Madrasah Tahfiz Ali-Imran, Muhammad Mu'izzudin Ahmad Amran berkata, aktiviti itu pada asalnya bertujuan untuk mencari dana bagi menampung perbelanjaan mereka yang menyusut berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Saya bersama tenaga pengajar lain membimbing 13 pelajar mengenai teknik bercucuk tanam, kami amat berpuas hati dengan hasil tuaian, lalu timbul minat untuk dikembangkan lagi dengan mengusahakan cili padi bara.

"Meskipun PKP sudah tamat kami berasa usaha ini perlu diteruskan, jadi madrasah boleh jana pendapatan sendiri, pelajar pun se-

ronok habiskan masa mengeluarkan peluh di kebun setiap petang," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu pelajar, Khairi Dafi Shahril, 14, berkata selain sudah menghafaz dua juzuk al-Quran, dia juga menimba ilmu pertanian yang bermanfaat untuk dijadikan bekalan selepas tamat pengajian kelak.

"Agama menyuruh kita berusaha untuk mencapai sesuatu dan bukannya sekadar berharap rezeki datang bergolek," katanya.

Manakala Muhammad Muzzammil Hakimi Mohd Rohaiزاد, 12, berkata dia gembira menyumbangkan tenaga kepada guru untuk bersama-sama bermandi peluh menanam pelbagai jenis sayur.

"Alhamdulillah, saya dapat merasakan sendiri bagaimana petani kita membanting tulang menjalankan kebun mereka semata-mata untuk menghasilkan makanan untuk manusia," katanya.



PELAJAR Madrasah Tahfiz Ali-Imran, Kampung Rantau Panjang mengutip cili padi bara.

Anak Melaka ceria terima sumbangan DMDI



MURID yang hadir memilih peralatan sekolah pada majlis penyampaian sumbangan daripada Yayasan DMDI di Dewan Tun Ali, Bukit Katil. Foto: MR. Azli

Liana Sahabudin

BUKIT KATIL - Jamiyah Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Singapura menyalurkan sumbangan berjumlah RM456,000 kepada Yayasan DMDI bagi membantu mangsa terkesan banjir.

Pengerusi Yayasan DMDI, Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali berkata, dari jumlah itu sebanyak RM100,000 diperuntukkan bagi membantu negeri terjejas seperti Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

"Sumbangan adalah dalam bentuk barang kegunaan harian. Sebagai permulaan, di Melaka sumbangan diagihkan kepada 120 murid memerlukan dari sembilan sekolah.

"Murid berkenaan yang dikenali pasti Jabatan Pendidikan Negeri menerima barang kelengkapan sekolah," katanya pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan kepada murid-murid sekolah di Dewan Tun Ali di sini, 7 Feb lalu.

Ujarnya, Yayasan DMDI juga akan menyalurkan sumbangan barang keperluan harian bagi peringkat kedua di Melaka selepas mendapat senarai barang diperlukan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Yayasan DMDI juga ada membuka 'Mini Food Bank' di Bangunan Kota Cemerlang, Ayer Keroh. Sesiapa yang perlu bantuan boleh datang dan bawa kad pengenalan untuk mendapatkan bekalan makanan yang disediakan," katanya.

Sementara itu murid Sekolah Kebangsaan (SK) Kerubong, Dania Qistina Muhammad Azhari Justin, 12, meluahkan rasa gembira dan syukur atas keprihatinan DMDI.

"Terima kasih kepada Yayasan DMDI dan Jamiyah Singapura kerana memberi bantuan sekolah kepada kami hari ini.

"Pemberian ini menjadikan saya lebih bersemangat untuk sekolah dan belajar bersungguh-sungguh, sudah tentu kawan-kawan daripada keluarga susah gembira dapat bantuan ini," katanya.

Koperasi sedia ceburi bidang ternak ayam

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mengambil inisiatif untuk melibatkan diri dalam bidang penternakan ayam bagi membantu kerajaan menangani isu kenakan harga barang mentah itu dalam pasaran semasa.

Pengerusi Eksekutifnya, Zazali Haron berkata, koperasi turut memainkan peranan untuk meringan-

kan beban pengguna yang terkesan akibat kenaikan harga ayam dan telur.

Justeru katanya, pihaknya menggalakkan semua ahli koperasi memperluaskan perniagaan mereka menerusi penternakan supaya kaedah itu juga dapat membantu kerajaan menangai harga kedua-dua barang mentah itu di pasaran.

"Itu (Penternakan) usaha kita hendak buat te-

tapi sekarang ini tidak banyak koperasi yang terlibat (dan) kebanyakannya mereka terlibat dengan 'contract farming', maknanya mereka perbesarkan dan jual kepada syarikat tertentu seperti KFC dan sebagainya.

"Saranan SKM adalah minta (ahli koperasi) untuk galakkan mereka menterak ayam, sekurang-kurangnya dapat digunakan oleh masyarakat setempat


atau sekurang-kurangnya membantu isu kenaikan harga ayam dan telur," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Bicara Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bersama Keluarga Gerakan Koperasi Negeri Melaka 2022, di sebuah hotel di Ayer Keroh, 10 Feb lalu.

Hadir sama, EXCO Kanan Pelaburan, Perin-

dustrian dan Pembangunan Usahawan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Pengarah SKM negeri Mohd Firdaus Shaari.

Pada masa sama, Zazali berkata, dalam membantu kerajaan mengurangkan harga barang mentah yang semakin meningkat, SKM menggerakkan usaha kepada semua koperasi mencebur ke bidang peruncitan.



ZAZALI

Maut dihempap kaca 5.6 tan

Siti Salehah

JASIN - Seorang lelaki maut 30 minit sebelum tamat waktu bekerja selepas dia dihempap timbunan kotak mengandungi kaca dianggaran seberat 5.6 tan dalam kejadian di sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Lipat Kajang, di sini, jam 7.30 pagi 9 Feb lalu.

Operator kilang berusia 23 tahun berasal dari Tangkak, Johor itu sepatutnya habis waktu bekerja padajam 8 pagi namun ditimpak ke malangan meragut nyawanya.

Ketua Polis Daerah Jasin Deputy Superintendant Mispani Hamdan mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian di tempat kerja itu.

"Siasatan awal mendapati ketika kejadian mangsa sedang melakukan kerja mengikat kotak dalam kontena terlanggar kayu penahan menyebabkan kaca seberat 5.6 tan menghempapnya.

"Pada pandangan mata kasar mangsa mungkin patah kedua-dua belah kaki dan leher. Mungkin juga


ada kecederaan lain seperti pendarahan akibat terkena sepihan kaca," katanya.

Mispani berkata, bapa mangsa turut hadir bagi membuat pengemaman mayat yang dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Jasin bagi tujuan bedah siasat.

"Setakat ini kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR), kami juga sedang menunggu laporan forensik untuk mengetahui punca sebenar kematian mangsa," katanya.

Sementara itu, Ketua Bomba dan Penyelamat (BBP) Jasin Bestari, Penolong Pengguna Bomba Rahizam Ruzali berkata, 12 pegawai dan anggota dikeharkan ke lokasi bagi membantu kerja mengeluarkan mangsa yang terperangkap dalam kontena.

"Kami mengambil masa kira-kira satu jam untuk mengalihkan timbunan kaca, operasi dijalankan dengan berhati-hati bagi mengelakkan serpihan kaca terkena badan mangsa dan menyebabkan kecederaan lebih serius," katanya.



KOTAK berisi kaca 5.6 tan yang menghempap seorang operator kilang di Jasin.

Cemas lebah bersarang dalam 'helmet'

Mohamad Fazrul Abdul Majid

ALOR GAJAH - Seorang pekerja kilang berdepan detik cemas apabila topi keledar yang diletakkan pada motosikalnya menjadi sarang lebah dalam kejadian 5 Feb lalu.

Difahamkan kejadian itu disedari ketika pekerja berkenaan hendak pulang ke rumah selepas habis waktunya bekerja sebelum bertindak menghubungi Pejabat Daerah Angkatan Pertahanan Awam (PDPA) Alor Gajah.

Pegawai Operasi, Bencana dan Logistik PDPA Alor Gajah, Leftenan (PA) Abdul Hadi Baharom memaklumkan, sejurus menerima panggilan kecemasan padajam 4.30 petang, sekumpulan empat anggota dikeharkan ke lokasi.

Katanya, sejurus tiba anggota APM mengalihkan topi keledar itu ke kawasan selamat sebelum membakar kertas bagi menghalau lebah.

Anggota APM mengalihkan topi keledar ke kawasan selamat sebelum menghalau lebah yang bersarang di dalamnya dengan menggunakan asap kertas. Foto-ihsan APM Alor Gajah

"Kejadian ini agak unik kerana lebah hinggap di dalam topi keledar.

"Kebiasanya anggota kami banyak mengendalikan kes-kes membakar sarang lebah atau tebuan di pokok selain di rumah penduduk," katanya.

Beliau berkata, operasi tamat padajam 5.15 petang selepas kesarang lebah berjaya dihalau.



TOPI keledar yang diletakkan pada motosikal di parkir sebuah kilang menjadi sarang lebah dalam kejadian di Alor Gajah. (Foto: Ihsan APM Alor Gajah)

Gempur sarang judi dalam ladang sawit



MENG Seah (dua dari kiri) menunjukkan sebahagian wang tunai, kepingan cip dan biji dadu yang dirampas susulan penahanan 8 individu terbabit dalam perjudian sempena Operasi Tahun Baharu Cina pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman.

Padah seleweng, bekas penjawat awam didenda

AYER KEROH - Seorang kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Jasin bersama rakannya didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, selepas didapati bersubahat dan menipu membabitkan pembekalan peralatan, empat tahun lalu.

Hakim Elesabet Paya Wan menjatuhkan hukuman itu ke atas tertuduh Muhammad Nurhafizi Samat, 34, dan Mohd Zamry Yazid, 47, selepas kedua-dua mereka mengaku bersalah atas tiga pertuduhan pilihan yang dibacakan secara berasingan oleh juruhasa mahkamah, 9 Feb lalu.



MOHD Zamry keluar dari mahkamah selepas didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh kerana didapati bersubahat dan menipu membabitkan pembekalan peralatan.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Nurhafizi didakwa menipu seorang kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah Jasin sehingga mendorong individu terbabit untuk memperakarkan pembayaran keseluruhan sebanyak RM9,536 kepada sebuah syarikat untuk pembekalan peralatan bagi unit kawalan mutu air (KMAM).

Bagi pertuduhan ke atas Mohd Zamry Yazid, 37, yang juga bekas kakitangan PKD Jasin pula dia didakwa bersubahat dengan Muhammad Nurhafizi, menipu individu sama apabila dengan sengaja mendorongnya memperakarkan pembaya-

ran dengan nilai sama kepada syarikat sama.

Kesalahan itu dilakukan kedua-dua tertuduh di Pejabat Kesihatan Daerah Jasin antara 5 November hingga 9 November 2018.

Justeru mereka melakukan kesalahan mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjarasehingga lima tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mereka yang diwakili peguam Mohd Zulfiqri Zakaria dan Azrul Zulkifli Stork merayu kepada mahkamah agar hukuman ringan dikenakan dengan alasan anak guam mereka mempunyai tanggungan selain menyesali kesalahan dilakukan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Irwan Shah Abdul Samat memohon kepada mahkamah supaya hukuman setimpal dikenakan dengan alasan kedua-dua mereka adalah penjawat awam selain dana terbabit adalah dana awam.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, mahkamah kemudian merintahkan tertuduh di denda RM15,000 setiap seorang atau 10 bulan penjara jika gagal membayar denda dikenakan.

Siti Salehah

AYER KEROH - Sembilan individu termasuk seorang wanita yang sedang leka berjudi dicekup polis dalam serbuan di sebuah ladang sawit di Kampung Man Lok, Kuala Sungai Baru, jam 9.30 malam, Ahad lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah JSJ (JSJ) negeri Asisten Komisioner Lim Meng Seah berkata, kaki judi ditahan berusia 29 hingga 66 tahun.

Katanya, dalam serbuan sama seorang pengusaha tanaman kelapa sawit berusia 41 tahun turut dicekup kerana disyaki menjadi penganjur aktiviti itu.

"Hasil siasatan mendapat lokasi berkenaan baru seminggu beroperasi dan disyaki 'port' terbesar di negeri ini.

"Mereka ditahan ini kebanyakannya pengusaha tanaman kelapa sawit, ada yang datang dari daerah Melaka tengah semata-mata untuk bermain judi Pai Kow. Malah wang pertaruhan paling rendah RM2,000 dan yang tertinggi tiada had.

"Berdasarkan siasatan awal nilai pertaruhan tertinggi adalah RM20,000 dan kami percaya nilai pertaruhan setiap hari mencecah RM100,000" katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, 8 Feb lalu.

Meng Seah berkata, bagi mengelakkan aktiviti itu daripada mudah dihindu pihak berkuasa aktiviti perjudian berlangsung selepas jam 6 petang dan berlutan hingga tengah malam.

"Selain tangkapan, kami turut merampas peralatan perjudian seperti 115 keping cip dan wang tunai berjumlah RM104,578," katanya.

Menurutnya individu berkenaan ditahan reman bermula Isnin hingga Khamis bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

BANDAR BARU SUNGAI UDANG, MELAKA (BELAKANG KFC)

Cari 'harta karun' tepi pantai

Faiz Hasan

KUALA LINGGI - Siapa sangka, disebalik pasir pantai sebenarnya tersembunyi pelbagai khazanah dan artifak bersejarah yang boleh membawa pulangan lumayan khusus buat pemburu emas.

Hobi popular dalam kalangan pemburu emas dan artifak seperti Mohd Fazly Jamaludin, 36, sebenarnya memerlukan kesabarannya selain persediaan mental dan fizikal yang tinggi serta bersedia untuk pulang

dengan tangan kosong.

Katanya, setiap hujung minggu dia menghabiskan masa sekurang-kurangnya lima jam di bawah panas terik matahari berjalan sepanjang pantai untuk mengesan artifak berharga menggunakan alat pengesan logam (MD).

Dia memberitahu antara 'lubuk artifak' berharga di negeri ini adalah di Pantai Pengkalan Balak, Pantai Puteri dan sekitar Kuala Linggi.

"Tak ramai aktif atau

minat hobi ini, jarang sangat ada di Malaysia, kami bergerak dalam kumpulan setiap kali turun untuk memburu artifak berharga.

"Telinga kena peka, kerana lain logam lain bunyinya. Kalau emas bunyinya kami sudah kenal memang menarik dan berbeza daripada yang lain," katanya.

Mohd Fazly berkata, aktiviti itu juga bergantung kepada jadual pasang surut air laut dan bukan boleh dilakukan sesuka

hati.

"Jika air surut sampai ketengah kebarangkalian untuk menjelajah emas atau harta karun lain tinggi, maknanya semakin ketengah macam-macam boleh jumpa," katanya.

Sejak 2015 dia berjaya menemukan pelbagai barang berharga seperti gelang, rantai dan cincin pelbagai bentuk yang disimpan sebagai koleksi peribadi.

Penemuan paling berharga dan dianggap membawa tuah bagi Mohd Fazly

ialah sekeping syiling emas berukir gambar Ratu Elizabeth dipercaya dikeluarkan pada 1889 namun kelihatan masih elok.

Selain terpaksa berjemur, dia mengakui turut berdepan ancaman haiwan berbisa setiap kali menjalankan aktiviti itu.

"Kerana minat saya sanggup berbelanja RM4,000 untuk beli MD digunakan sekarang. Ada banyak jenis MD di pasaran harapannya pula bergantung kepada kualitinya," katanya.



FAZLY menggunakan alat pengesan logam, emas, perak dan tembaga besi ketika meluangkan masa di pesisiran pantai Pengkalan Balak, Masjid Tanah. FOTO: MR Azli



PILIHAN RUANG IKLAN TERBAIK 2022

MELAKA HARIINI

TEMPAHAN IKLAN
018 329 9936



www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini



AUTOMOTIF

Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori



HARTANAH

Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah



KERJAYA

Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan



KLASIFIKASI AM

Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot



NOTIS

Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am



Ramadan:

Bekalan telur dijangka terjejas

Siti Salehah

MASJID TANAH - Bekalan telur ayam dijangka terjejas pada Ramadan sekiranya penternak dan pengeluar tidak dibantu.

Timbalan Pengurus Gabungan Persatuan Peladang Ternakan Malaysia (FLFAM) Lee Yoon Yeau berkata, hal itu dikhawatir akan berlaku kerana kos dedak meningkat lebih 50 peratus dan tiada subsidi diberikan oleh kerajaan.

Justeru, katanya, subsidi daripada kerajaan amat diperlukan pada masa kini bagi meneruskan kelangsungan pengeluaran telur dan ayam daging di pasaran.

"Kekurangan mungkin kira-kira antara dua hingga tiga juta sehari akan berlaku kekurangan pada Ramadan jika keadaan berterusan dan tidak mendapat bantuan."

"Ini kerana kos untuk sebiji telur buat waktu ini antara 36 hingga 40 sen namun angka itu tidak sama bagi se-

tiap ladang.

"Untuk waktu ini berlaku kekurangan kira-kira 3 juta sehari daripada 30 juta biji yang diperlukan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak setiap hari," katanya dalam sidang media 7 Feb lalu.

Bagaimanapun, kabinet pada 9 Feb lalu telah bersetuju memberikan subsidi sebanyak 5 sen bagi setiap biji telur semua jenis kategori.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kian-dee berkata, pihaknya turut bersetuju memberikan subsidi 60 sen per kilogram (kg) kepada penternak ayam dengan mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 per kg dan harga runcit ayam bulat standard RM8.90 per kg.

Katanya, tempoh pemberian subsidi itu bermula pada 5 Feb sehingga 4 Jun depan iaitu sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).



YOON Yeau menunjukkan bekalan telur yang kian berkurangan di pasaran sekiranya tiada tindakan diambil kerajaan untuk membantu penternak dan pengeluar.



ANGGOTA APM menangkap ular sawa 10 kilogram yang menelan angsa di Taboh Naning.

Tergamam ular sawa baham angsa

Norizan Abdul Muhib

TABOH NANING - Bunyi bising dari reban membawa kepada penemuan ular sawa yang membaham seekor angsa di Taboh Naning, 9 Feb lalu.

Nur Sahar Ishak, 42, berkata, kejadian itu hanya disedari setelah dia terbangun dari tidur akibat bunyi bising tersebut pada jam 4.30 pagi.

Menurutnya, dia kemudiannya memeriksa arah bunyi tersebut yang datangnya dari reban peliharaan angsa dan itik miliknya.

Dia yang bekerja sebagai pemandu van sekolah, pada mulanya menyangka bunyi tersebut angkara khinzir yang sebelum itu sering mengganggu tanaman penduduk di situ.

"Tetapi saya tidak yakin bunyi bising itu angkara khinzir kerana biasanya haiwan

tersebut datang menyerang senyap-senyap.

"Namun apabila saya periksa keadaan dalam reban alangkah terkejutnya saya melihat seekor ular sawa sepanjang tiga meter seberat 10 kilogram sedang berlingkar di situ," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Katanya, ular tersebut dilihat kekenyalan setelah menelan seekor daripada empat ekor angsa peliharaannya yang dikurung pada reban.

"Dalam keadaan cemas, saya bertindak menghubungi talian kecemasan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Alor Gajah bagi mendapatkan bantuan," katanya.

Menurutnya, kejadian serangan ular sawa awal pagi itu adalah yang pertama dialaminya dan tidak menolak kemungkinan misteri kehilangan angsa miliknya sebelum ini akibat ditelan reptilia itu.

Kera liar ganggu penduduk ditangkap

BEMBAN - Jabatan Perlindungan Hidup Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Melaka telah memasang perangkap khas bagi menangkap kera liar di sekitar Kampung Pondok Kempas, di sini, sejak 21 Jan lalu.

Pengarah Perhilitan negeri, Mohd Firrdhaus Mahmood berkata, tindakan itu bagi mengelak kejadian lebih serius melanda penduduk di kampung tersebut pada masa akan datang.

"Kita sudah memasang perangkap jenis corong sejak 21 Jan lalu setelah mendapat laporan daripada penduduk di kampung berkenaan mengenai gangguan kera liar di situ.

"Perangkap kera itu masih aktif dan setakat ini, sebanyak 10 ekor kera liar telah berjaya ditangkap melalui usaha itu," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Beliau mengulas mengenai rungutan penduduk Kampung Pondok Kempas

mengenai gangguan kera liar di kampung tersebut sehingga merosakkan barang dan peralatan rumah, selain bimbang ia bertindak agresif mencederakan orang ramai khususnya kanak-kanak.

Menurut Mohd Firrdhaus, pihaknya sedang merangka tindakan lanjut yang terbaik dalam usaha menangani masalah kera liar di kampung berkenaan.

Pada masa yang sama, beliau meminta kerjasama penduduk di situ agar tidak melakukan tindakan provokasi terhadap kumpulan kera liar yang mengganggu mereka.

"Kita minta penduduk jangan menghampiri kera liar tersebut, elak provokasi kerana khawatir kera tersebut akan bertindak menyerang penduduk.

"Jangan beri makanan pada kera kerana kita khawatir kera tersebut akan bergantung kepada sumber makanan manusia pada masa depan," kata beliau.



KERA liar yang didakwa mengganggu penduduk Kampung Pondok Kempas sejak akhir-akhir ini.

Redah ombak 'catuk' menu mewah

Faiz Hasan

TANJUNG BIDARA - Tidak disangka, bongkah batu yang tersusun di pesisir pantai menjadi habitat hidupan laut yang boleh dijadikan juadah seisi keluarga.

Teritip yang hidupnya menempel di batu-batu dalam air rupanya menjadi antara makanan laut termahal dan jarang ditemui di pasaran umum.

Walaupun dianggap menggelikan bagi sesetengah orang, namun mencatuk teritip merupakan antara aktiviti masa lapang buat anak jati Kampung Balik Batu, Nursiah Said, 62.

Kudrat warga emas itu dilihat masih teguh mengharung ombak pantai tatkala air surut demi mencari santapan 'mewah' itu.

Meskipun berdepan cabaran seperti jari-jemari luka ketika mencatuk, mahupun diserang hidupan berbisa dan terpijak batu tajam, namun ia tidak menghalangnya untuk meneruskan aktiviti tradisi sejak dia berumur belasan tahun lagi.

Jelas Nursiah, walaupun aktiviti mencatuk dalam kalangan orang kampung tidak lagi semeriah dahulu, namun dia masih meneruskannya kerana amat menggemari tekstur dan rasa

manis isi teritip.

"Teritip ini ada di setiap batu di kawasan ini dan ketika air mula surut ia paling sesuai untuk mencarinya.

"Malah, kata orang-orang tua, musim teritip akan banyak ketika pokok bacang berbuah.

"Teritip enak dimasak sambal selain itu ia boleh dijadikan perencah bersama mi suah goreng," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dia yang berseorangan mencatuk teritip di kawasan itu menggunakan alatan yang direka khas dinamakan pencatuk dan mengambil masa sejam untuk memperoleh sekurang-kurangnya 100 gram hidupan itu.

Katanya, makanan itu lebih digemari kaum Cina sehingga ia boleh dijual mencecah RM20 bagi 100 gram isi teritip.

"Dekat pasar di sekitar negeri ini memang susah nak cari orang jual teritip dan kalau nak pun sebalunya orang kampung yang jual, itu pun tak banyak.

"Harganya satu bekas yang direndam dan ditimbang bersama air pun mencecah RM20 buat 100 gram, memang mahal hidupan ini sebab dah kurang yang mencarinya.

"Malah orang sekarang pun tak tahu hidupan ini boleh dimakan sedangkan rasanya lebih manis daripada rasa kepah," katanya.



RUPA isi teritip yang bernilai tinggi di pasaran.



TEKNIK mencatuk teritip di bongkah batu pesisir pantai di Balik Batu.

HARTAHAN UNTUK DIJUAL

TAMAN DUYONG BESTARI
DUYONG, MUKIM MELAKA TENGAH, MELAKA
LOT 1446/PT 5236, 5237, 5238, 5239, 5272 & 5273

MUKIM PERNU,
DAERAH MELAKA TENGAH,
MELAKA
LOT 1707 - LOT 1714

MUKIM BERTAM,
DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA

Harta Tanah Untuk Dijual
Harga Bermula dari RM 250,000.00

Harta Tanah Untuk Dijual
Harga Bermula Dari RM 697,000.00
Untuk 3unit Bumi Kuota Sahaja

MUKIM BUKIT KATIL, DAERAH MELAKA
TENGAH, MELAKA
LOT 2750-2751, 26001-26002, 2753-2758 & 2829-2832

Harta Tanah Untuk Dijual
Harga Bermula dari RM 88,000.00

WeBEST

606 2921300 / 2921302 | 606 2921301 | info@webest.my | No 8F, 8G & 8G - 1
JALAN LAKSAMANA CHENG HO, 75000 MELAKA, MALAYSIA

Melaka kembali 'gegau' takraw!

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MELAKA Titans mengulangi pencapaian empat tahun lalu apabila berjaya merangkul gelaran juara Sepak Takraw League (STL) Divisyen 1, musim 2021/22.

Dalam aksi final di Stadium Titiwangsa 6 Feb lalu, Melaka Titans berjaya menewaskan KPT-MASUM Knight 16-21, 21-17 dan 21-12 sekali gus membawa pulang hadiah kemenangan RM12,000, piala dan medal.

Tambah manis, gelaran apit kiri terbaik turut dirangkul Melaka Titans menerusi Muhammad Umar Muhamad, manakala Ketua Jurulatih Melaka Titans Riduan Ramlil dipilih sebagai jurulatih terbaik.

Kejayaan itu juga sekali gus membantu Melaka Titans naik ke saingan liga teratas STL iaitu Liga Premier musim depan.

Sementara itu, Riduan berkata, tiada katamampu diucapkan apabila berjaya membantu pasukan itu kem-



PEMAIN Melaka Titans mengabadikan kemenangan bersama pihak pengurusan dan staf kejurulatihan selepas muncul johan STL Divisyen 1 musim 2021/22.

bali menemui rentak selepas beberapa tahun sebelum ini terkandas di saat akhir.

Katanya, semangat berbeza yang ditampilkan musim ini menjadi antara resipi kejayaan mereka men-

gulangi pencapaian musim 2017 lalu.

"Kejayaan ini tercusus hasil dari semangat satu hati pemain,

barisan kejurulatihan dan pihak pengurusan yang sentiasa melakukannya kerja 'extra' demi memastikan Melaka kembali beraksi di saingan liga tertinggi.

"Selain itu, faktor tewas awal di tangan KPT-MASUM di peringkat kumpulan turut membangkitkan semangat pemain yang mahu menebus kembalikan kekalahan.

"Jadi di final, kita cuba ubah sedikit taktikal dan 'line-up' pemain pada permulaan dan alhamdulillah ia berjaya dan akhirnya kita berjaya menjulang kembali gelaran ini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Riduan berkata, Melaka Titans kini sedang mempersiapkan diri untuk menghadapi STL Champion Cup yang dijadual berlangsung pada Mac depan.

Katanya, kejohanan itu bakal menyaksikan Melaka Titans bakal ditentang tujuh pasukan terbaik di Malaysia dalam merebut gelaran juara di antara juara.



Mat Yo menjalani latihan bersama pasukan Melaka United FC pada hari pertama sesi latihan di Stadium Hang Tuah, Melaka. Foto: MR. Azli

'Saya masih relevan' - Mat Yo

"WALAUUPUN umur saya sudah 36 tahun, namun saya percaya saya masih relevan untuk bola sepak".

Demikian kata, bekas penyerang kebangsaan Norshahrul Idlan Talaha atau lebih mesra dengan panggilan Mat Yo yang bakal beraksi bersama Melaka United, musim ini.

Walaupun dianggap sudah berusia, namun dia optimis pengalaman yang ada selama ini dapat membantu skuad Hang Tuah untuk sekurang-kurangnya meraih satu kejayaan.

"Setiap tahun misi saya tetap sama, saya tetap laparkan kejuaraan dan diharap satu piala mampu diraih bersama pasukan musim ini," katanya ketika ditemui di sesi latihan pasukan di Stadium Hang Tuah, baru-baru ini.

Mengulas mengenai keserasian bersama pemain baharu musim ini, Mat Yo berkata, dia tidak mempunyai masalah untuk menyesuaikan

diri memandangkan pernah beraksi bersama kebanyakan pemain yang ada dalam pasukan.

"Saya pernah beraksi bersama Fadhli Shaas, Shazwan Andik, malah Ifedayo juga, jadi bagi saya tiada masalah."

"Apa yang lebih penting ialah kepercayaan di antara satu sama lain dan barisan kejurulatihan percaya dengan pemain-pemain yang ada."

"Insya-Allah jika semua ini berlaku, kita mampu mencipta kejutan pada musim baharu ini," ujarnya.

Di kesempatan sama, Mat Yo turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Melaka United yang sudi menerima sebagai keluarga baharu tahun ini.

"Terima kasih juga kepada isteri dan anak kerana merestuai saya untuk beraksi bersama Melaka United," katanya yang beraksi bersama Sarawak United pada musim lalu," katanya.

Akademi Ragbi Melaka di SMK Telok Mas

Siti Salehah

SEKOLAH Menengah Kebangsaan (SMK) Telok Mas, dipilih menjadi Akademi Ragbi Melaka yang bakal melahirkan ramai atlet ragbi untuk mewakili Melaka dan negara suatu hari nanti.

EXCO Pendidikan negeri Datuk Rais Yasin berkata, akademi itu sudah beroperasi sejak dua tahun lalu dan kini mempunyai 40 orang pelajar terpilih yang berbakat dalam sukan ragbi.

Beliau berkata, akademi ini menempatkan pelajar dari tingkatan satu hingga lima dan ditubuhkan dibawah Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bersama Majlis Sukan Sekolah Negeri (MSN).

"Ini adalah akademi pertama di Melaka yang mana pelajar-pelajar ini dipilih melalui 'Talent Identification' diadakan dan apabila mereka lulus sejurusnya akan dipilih untuk menyertai akademi."

"Pelajar ini akan dilatih oleh jurulatih dalam kalangan guru yang terbabit dengan sukan ragbi serta juga Pasukan Ragbi Melaka yang bersedia memberi tunjuk ajar serta kerjasama dalam memberi ilmu kejurulatihan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Akademi Ragbi Melaka di sebuah hotel di sini, yang turut dihadiri Presiden Melaka Rugby Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer, 9 Feb lalu.

Menurut beliau, walaupun

sudah ditubuhkan sejak dua tahun lalu namun kesemua atlet masih tidak dapat berlatih secara total disebabkan pandemik COVID-19 selain perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Saya harap kelak apabila keadaan kembali normal mereka ini dapat berlatih sepenuhnya dan bakat mereka dapat dicungkil sebaiknya selain dipersiapkan untuk keperingkat tertinggi."

"Kita mempunyai perancangan yang besar untuk akademi ragbi ini dan kini sedang siapkan kertas kerja yang mana apabila pelajar ini cemerlang dalam sukan ragbi dan akademik mereka akan diserap terus ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) ataupun universiti," katanya.



RAIS (kanan) merasmikan Akademi Ragbi Melaka di sebuah hotel di Ayer Keroh, sambil disaksikan Hameed (kiri).



Harga Jualan dari
~~RM370,000~~
RM280,000
Harga Istimewa!!!



- ✓ Kondo Mewah berlokasi di Kota Laksamana, Melaka
- ✓ Dilengkapi 40++ Kemudahan
- ✓ Hak Milik Kediaman
- ✓ Keluasan 1,069 kps
3 Bilik/2 Bilik Air

Sewa Bulanan	- RM1,700+-
Ansuran Bulanan	- RM1,100+-
Pendapatan Bulanan	- RM600+-

*Pinjaman 100% ,
RM0 Downpayment*

**Percuma
Yuran Guaman & Duti Setem**

**Percuma Internet
(5 Tahun)
Kelajuan - 1000 mbps**



SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI : TANJUNG RATNA SDN. BHD - 014 668 9209

Alamat : Tanjung Ratna Sdn Bhd Malacca, No. 24, Jln KLJ 4, Taman Kota Laksamana, 75200 Malacca

No. Lesen Pemaju:19468-2/09-2022/02776 (L)|Tempoh Sah:08/09/2021-7/09/2022|No. Permit Iklan:19468-2/09-2022/02776 (P)|Tempoh Sah:08/09/2021-07/09/2022|Pemaju beserta Alamat Lengkap dan No. Telefon: Tanjung Ratna Sdn. Bhd. Aras 18, Menara Safuan, No. 80,Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. +0327818989|Jenis Pegangan Tanah: Pajakan 99 tahun|Tarikh Tamat Tempoh: Mei 2117|Bebanan Tanah:Maybank|Perihalan Rumah Tempat Tinggal: Kondominium|Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap:(Fasa 1)15 Ogos 2022|Harga Jualan Minimum dan Maksimum:|Jenis A:RM347,000.00 - RM391,000.00|Jenis B:RM380,000.00 - RM422,000.00|Bilangan Unit:Jenis A (23 unit)Jenis B(69 unit)|Nama Pihak Berkua yang Meluluskan Pelan Bangunan:MBMB|No. RUJukan : MBMB/JKB/03040/12/2016(9).Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak kecuali dengan kebenaran Pihak Berklaus Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA



MELAKA HARI INI / 14 FEBRUARI - 20 FEBRUARI 2022

Sukan MELAKA HARI INI



VIDAKOVIC dalam sesi latihan pertama bersama Melaka United di Stadium Hang Tuah.
Foto: MR. Azli

'Ramuan' rahsia Vidakovic

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KETUA Jurulatih baharu Melaka United Risto Vidakovic mengakui berdepan cabaran hebat dalam mempersiapkan pasukan menghadapi pembukaan Liga Super musim 2022, awal bulan depan.

Dengan tempoh hanya kira-kira sebulan untuknya menyediakan ramuan ampuh sebelum sepak mula liga, bagi jurulatih asal Bosnia & Herzegovina itu, ia semenangnya suatu tempoh yang cukup suntuk.

Bagaimanapun, beliau enggan menjadikannya sebagai alasan, sebaliknya akan kekal fokus memanfaatkan masa yang ada untuk menyatukan skuad Hang Tuah.

"Ya, tempoh yang ada terlalu singkat, tetapi kita tidak boleh memanjangkan waktu itu (mempersiapkan pasukan).

"Jadi, kita perlu bekerja mengikut tempoh masa yang kita ada dan saya akan cuba memastikan semuanya dipersiapkan sebelum sepak mula nanti.

"Dalam masa yang singkat ini, saya akan cuba untuk menyiapkan taktikal yang bersesuaian dan yang paling penting seluruh pasukan tahu apa yang perlu mereka lakukan," katanya ketika ditemui dalam sesi latihan pertama bersama Melaka United di Stadium Hang Tuah, 6 Feb lalu.

Mengulas mengenai barisan pemainnya musim ini, Vidakovic percaya setiap pemain yang ada mempunyai kekuatan tersendiri dalam memacu kecemerlangan Melaka United.

Katanya, meski-

pun tidak mendapat peluang memilih pemain import sendiri, namun pemain yang ada dilihat cukup berkualiti berdasarkan rekod pada musim lalu.

"Bagi saya, kelab ini mendapat pemain yang bagus. Adadi antara mereka beraksi cererlang musim lalu dan terbukti berkualiti.

"Apapun, kita perlu melihat sejauh mana pemain-pemain ini dapat menyesuaikan diri sesama mereka dan juga corak permainan yang diterapkan.

"Saya akan cuba yang terbaik untuk menyatukan mereka semua ke satu tahap

yang diinginkan bukan sahaja diri saya, bahkan juga kelab dan penyokong," katanya.

Dalam pada itu, bercakap soal persiapan pra musim, jurulatih berusia 53 tahun itu berkata, pihaknya bakal mempersiapkan diri dengan menghadapi tiga aksi persahabatan menentang dua pasukan Liga Super dan satu pasukan Liga Premier musim ini.

Katanya, aksi persahabatan pertama dijadual menentang Selangor FC2 pada 9 Feb, diikuti Terengganu FC pada 18 Feb sebelum mengakhiri aksi pra musim menentang Selangor FC pada 25 Feb ini.



VIDAKOVIC. Foto: MR. Azli

Jadual perlawanan Melaka United 2022

PETALING JAYA CITY FC	VS	MELAKA UNITED FC
5 MAC 2022 SABTU STADIUM MBPJ		
KEDAH DARUL AMAN FC	VS	MELAKA UNITED FC
6 MEI 2022 JUMAAT STADIUM DARUL AMAN		
PENANG FC	VS	MELAKA UNITED FC
8 MAC 2022 SELASA STADIUM BANDARAYA		
MELAKA UNITED FC	VS	SABAH FC
5 APRIL 2022 SELASA STADIUM HANG JEBAT		
KUALA LUMPUR CITY FC	VS	MELAKA UNITED FC
9 APRIL 2022 SABTU STADIUM KLFA		
SRI PAHANG FC	VS	MELAKA UNITED FC
16 APRIL 2022 SABTU STADIUM DARUL MAKHRUH		
MELAKA UNITED FC	VS	NEGERI SEMBILAN FC
20 MEI 2022 JUMAAT STADIUM HANG JEBAT		
MELAKA UNITED FC	VS	SARAWAK UNITED FC
25 JUN 2022 SABTU STADIUM HANG JEBAT		
MELAKA UNITED FC	VS	JOHOR DARULTAZIM FC
2 JULAI 2022 SABTU STADIUM HANG JEBAT		

www.melakahariini.my f @ Melaka Hari Ini Melaka Tv Grafik : Melaka Hari Ini. Sumber : Malaysian Football League (MFL)